

RELIABILITI PERSEDIAAN PERALATAN PORT DICKSON  
ANALISIS KUALITI KOS PERALATAN (TQM)

S. ANITA A/P SELORAWAY

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2003



**PENILAIAN FAEDAH REKREASI  
DI PANTAI PORT DICKSON: ANALISIS  
KAEDAH KOS PERJALANAN (TCM)**

**S. AMUTA A/P SELORARAJY  
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**(UMT)**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya akui kertas projek (EKN 4399A dan EKN4399B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

23 APRIL 2009

*Amutha*  
.....  
S. AMUTA A/P SELORARAJY  
UK12980

## DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN 4399A and EKN4399B) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated other source are acknowledge by giving explicit references is appended.

23 APRIL 2009

*Amutha*  
.....  
S. AMUTA A/P SELORARAJY  
UK12980

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan keizinaNya saya dapat menyiapkan kertas projek tahun akhir ini dengan jayanya dan sokongan daripada semua pihak telah banyak membantu saya dalam menghasilkan kajian ilmiah ini.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada **Encik Mohd Nasir Bin Nawawi** selaku pensyarah dan penyelia kertas projek tahun akhir saya. Beliau telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam penyediaan kertas kerja ini. Saya amat menghormati dan mengagumi kesungguhan dan komitmen beliau dalam usaha membantu saya menghasilkan kertas kerja sepanjang tempoh penyelidikan ini.

Dengan mengambil kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya yang dikasihi, **M. Selvaraju** dan **S. Kamala** yang memberikan dorongan dan semangat sehingga projek ini berjaya disiapkan. Terimah kasih kepada kak **Thilaga**, Kak **Kasthuri**, abang **Manivannan** dan adik **Kanthan** kerana sudi membantu saya semasa kajian projek dijalankan.

Seterusnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat teristimewa, **M.Elango** yang menjadi semangat dan inspirasi dalam perjuanganku. Juga kepada rakan-rakan seperjuangan, **Yamuna**, **Magala** dan **Chandrika** yang telah banyak menyumbang masa, tenaga, idea dalam menyiapkan kertas projek ini.

Tidak lupa juga kepada semua yang terlibat di dalam menyiapkan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Akhir kata, diharap agar kertas projek saya ini dapat memberi faedah kepada semua dan dijadikan panduan yang sebaiknya oleh semua pihak sama ada dalam pembelajaran atau pengajaran.

Sekian,

S. Amuta A/P Selorarajy  
Sarjana Muda Ekonomi ( Sumber Alam)  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
E-mail: [elamamutha\\_143@yahoo.com](mailto:elamamutha_143@yahoo.com)

No 56, Taman Indah Jaya,  
71010 Lukut, Port Dickson,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

## ABSTRAK

Kajian ilmiah ini menjalankan penilaian ekonomi ke atas faedah rekreasi di pantai Port Dickson(PD), Negeri Sembilan. Ia menggunakan kaedah kos perjalanan (TCM) untuk menganggarkan faedah rekreasi yang diperolehi oleh pengunjung di pantai PD dan diukur berdasarkan nilai lebihan pengguna. Soal selidik telah dijalankan pada bulan Disember 2008. Terdapat dua jenis spesifikasi pembentukan model telah digunakan dalam kajian ini. Iaitu model Regresi Linear dan model Regresi Semi-Log dan hasil kajian menunjukkan nilai purata lebihan pengguna seorang pengunjung adalah RM175.75 dan RM163.53 bagi sekali perjalanan untuk sekali kunjungan rekreasi. Pengekalan faedah rekreasi dan pengurusan yang cekap di pantai PD turut dibincangkan. Hasil kajian ini juga berguna kepada pengurusan sumber di pantai PD dalam membuat keputusan dan ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dalam menjalankan penilaian sumber yang sama ke atas kawasan rekreasi yang lain di seluruh dunia.

*Kata Kunci : Faedah Rekreasi; Kaedah Kos Perjalanan; Lebihan Pengguna*



## ABSTRACT

This paper provides on economic evaluation of the recreational benefits at Port Dickson (PD) Beach, Negeri Sembilan. It used the Travel Cost Method (TCM) to estimate the benefits of recreation at PD beach, measured by consumer surplus. Data surveyed accomplished on December 2008. There are two types of model specification has been used in this study. There are a Linear Regression model and Semi-Log Regression model with show that the average individual consumer surplus values are RM170.75 and RM163.53 per trip per recreation visit respectively. The maintenance of recreation benefits and effective management at PD beach were also discusses. The finding of this study would be important for resources management decisions in the PD beach and could serve as a reference in valuing similar resources in other recreational areas around the world.

*Keyword : Recreation Benefits; Travel Cost Method; Consumer Surplus*

## SENARAI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	<b>x</b>

### **BAB I      PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	4
	1.3.1 Objektif Umum	4
	1.3.2 Objektif Khusus	4
1.4	Skop Kajian dan Metodologi Kajian	5
1.5	Kesimpulan	6



## **BAB II        SOROTAN KAJIAN LEPAS**

2.1	Pengenalan	7
2.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	8
2.2.1	Sistem Pengurusan Majlis Perbandaran Port Dickson	9
2.3	Kajian Lepas	10
2.4	Kesimpulan	12

## **BAB III        METHODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	13
3.2	Konsep Jumlah Nilai Ekonomi	14
3.3	Teknik Penilaian Ekonomi Alam Sekitar	15
3.4	Kaedah Kos Perjalanan (TCM)	16
3.5	Pembentukan Model Kaedah Kos Perjalanan	17
3.6	Penerangan Pembolehubah	19
3.7	Pengiraan Lebihan Pengguna	21
3.8	Pembentukan Soal Selidik	21
3.8.1	Lokasi Kajian	22
3.8.2	Pemilihan Sampel Kajian	22

3.8.3	Tempoh Pelaksanaan Kajian	22
3.8	Kesimpulan	23
<b>BAB IV</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	24
4.2	Analisis Diskriptif	24
4.2.1	Bahagian A : Latar Belakang Responden	25
4.2.2	Bahagian B : Kos Perjalanan Responden	33
4.2.3	Bahagian C : Kepuasan Responden	42
4.3	Hasil Kajian Regrasi	46
4.4	Lebihan Pengguna	49
4.4.1	Lebihan Pengguna bagi Model Regrasi Linear	50
4.4.2	Lebihan Pengguna bagi Model Regrasi Semi- Log	54
4.4.3	Jumlah Purata Willingness To Pay (WTP)	56
4.5	Kesimpulan	57
<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN KAJIAN</b>	
5.1	Pendahuluan	59
5.2	Rumusan Kajian	59
5.3	Cadangan Kajian	63

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Jenis-jenis Kaedah TCM Serta Pendekatan Yang Digunakan	16
4.1	Jarak Sehala Dari Tempat Tinggal Responden Ke Pantai PD	33
4.2	Masa Perjalanan Dari Tempat Tinggal Responden	34
4.3	Kategori Model Permintaan Rekreasi	46
4.4	Hasil Keputusan Regrasi Linear Dan Semi-Log	47
4.5	Penerbitan Modal Selepas Memperolehi Hasil Keputusan	49
4.6	Nilai Purata Bagi Pembolehubah Bebas Dalam Model Regrasi Linear	50
4.7	Nilai Purata Pembolehubah Bebas Dalam Model Regrasi Semi-Log	54
4.9	Purata Lebihan Pengguna Dan Purata Jumlah WTP Bagi Setiap Kunjungan	56

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman	
2.1	Kedudukan Pantai Port Dickson Di Negeri Sembilan	8
2.2	Majlis Perbandaran Port Dickson	9
3.1	Jumlah Nilai Ekonomi	14
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	25
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	26
4.3	Taburan Responden Mengikut Jenis Kaum	27
4.4	Taburan Responden Mengikut Negeri Asal	28
4.5	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	29
4.6	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	30
4.7	Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan	31
4.8	Taburan Responden Mengikut Tingkat Pendapatan Individu	32
4.9	Destinasi Utama	35
4.10	Jenis Destinasi Yang Melawat Sebelum Ke Pantai Port Dickson	36
4.11	Tujuan Utama Lawatan Responden	37
4.12	Sumber Maklumat Mengenai Pantai Port Dickson	38
4.13	Kategori Kos Lawatan Responden	39
4.14	Tempoh Percutian Responden Dalam Harian	40
4.15	Jumlah Bilangan Kunjungan Responden	41
4.16	Purata Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kemudahan Di Sekitar Pantai Port Dickson	42
4.17	Purata Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Persekitaraan Pantai Port Dickson	44
4.18	Keluk Permintaan Bagi Model Regrasi Linear	52

## SENARAI NAMA SINGKATAN

<b>CS</b>	<i>Consumer Surplus</i>
<b>CVM</b>	<i>Contingent Valuation Method</i>
<b>ITCM</b>	<i>Individual Travel Cost Method</i>
<b>KM</b>	Kilometer
<b>MPPD</b>	Majlis Perbandaran Port Dickson
<b>MPV</b>	<i>Multiple Purpose Visitor</i>
<b>NBG</b>	Nilai Bukan Gunaan
<b>NG</b>	Nilai Gunaan
<b>NGO</b>	<i>Non Government Organization</i>
<b>PD</b>	Port Dickson
<b>Q</b>	Bilangan Kunjungan Responden
<b>RM</b>	Ringgit Malaysia
<b>RP</b>	<i>Revealed Preferences</i>
<b>SP</b>	<i>Stated Preferences</i>
<b>SPSS</b>	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
<b>TC</b>	Kos Perjalanan
<b>TCM</b>	<i>Travel Cost Method</i>
<b>TEV</b>	Jumlah Nilai Ekonomi
<b>WTP</b>	<i>Willingness To Pay</i>
<b>ZTCM</b>	<i>Zonal Travel Cost Method</i>

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Malaysia merupakan sebuah negara yang strategik dan dikelilingi oleh tiga laut utama iaitu Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu. Malaysia merupakan sebuah negara destinasi pelancongan marin yang unik dan sebagai pusat utama bagi pelayaran rekreasi di rantau ini. Malaysia mempunyai kawasan zon pantai sepanjang 4,800 kilometer yang terdiri daripada pantai berpasir yang luas seperti yang terdapat di Pantai Timur Semenanjung dan pantai berlumpur di sebelah Baratnya. Tambahan pula, pesisiran pantainya terdiri daripada biodiversiti marin, taman-taman laut, kawasan lautan yang luas, teluk-teluk terlindung dan kawasan-kawasan yang sesuai untuk pelbagai aktiviti rekreasi.

Dalam proses pembangunan dan globalisasi, pelancongan rekreasi merupakan suatu frasa penarik yang perlu dihadapi dan diuruskan dengan bijak agar tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Pelancongan rekreasi ini juga merupakan suatu kegiatan ekonomi dan sebuah industri perkhidmatan utama yang kian berkembang maju dan memberi pendapatan dan keuntungan yang besar serta lumayan kepada negara Malaysia ini. Didapati pada tahun 2000, seramai 10.2 juta orang para pelancong termasuk pelancong domestik telah berkunjung ke Malaysia dan telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM20 bilion, termasuk RM17 billion daripada pertukaran asing (Berita Harian, 9 Jun 2001). Angka ini telah pun melebihi jangkauan seramai 6.4 juta para pelancong yang diramalkan akan mengunjungi ke Malaysia.



Dengan ini terbuktinya negara Malaysia merupakan sebuah negara ketiga yang menerima paling ramai pelancong di sekitar Asia Timur selepas negara China dan negara Hong Kong.

Pada masa kini, rekreasi telah menjadi suatu kepentingan utama kepada para masyarakat yang kini sibuk mengejar kekayaan. Rekreasi merupakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh manusia ketika mempunyai masa lapang dan faedah rekreasi pula bermaksud keseronokkan serta kepuasan yang dinikmati oleh para masyarakat akibat daripada melakukan aktiviti-aktiviti riadah seperti rekreasi air, perkhemahan, menunggang kuda, aktiviti eksplorasi, memancing, berkayak dan banyak lagi. Faedah rekreasi dan keindahan yang dinikmati oleh para pengunjung ini perlu dinilai dan dipelihara untuk generasi akan datang.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Bandar Port Dickson (PD) merupakan sebuah bandar pantai peranginan yang terletak di Negeri Sembilan. Ini bermaksud bandar PD ini terletak di tepi pinggir laut dan berperanan sebagai sebuah pelabuhan untuk mengimport dan mengeksport barangan seperti minyak, bijih timah, arang dan lain-lain lagi. Bandar ini juga merupakan suatu kawasan yang kedua terkecil di Negeri Sembilan. Pantai PD ini mempunyai hamparan pantai sepanjang 40 kilometer yang menawarkan sebuah pusat pelancongan serta tempat berekreasi kepada penduduk tempatan serta para pengunjung dari dalam dan luar negara.

Pantai PD merupakan suatu kawasan yang masih terpelihara daripada mengalami pencemaran serta kemusnahan keindahan alam sekitar. Disebabkan kawasan pantai ini kaya dengan pemandangan yang cantik, kawasan ini telah dijadikan sebagai suatu tempat pelancongan dan rekreasi yang utama bagi para pengunjung yang terdiri dari dalam dan luar negara.

Pantai PD merupakan sebuah pusat pelancongan dan rekreasi yang utama. Oleh kerana itu, sebuah pesta yang dikenali sebagai *Pesta Air Negeri Sembilan* telah diadakan selama 3 hari mulai dari 11 hingga 13 April 2008 di Pulau Cahaya, pantai PD. Pelbagai aktiviti telah di adakan semasa program ini berlangsung. Antara aktiviti-

aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti acara sukan pantai moden, pertandingan bolak sepak pantai, pertandingan bola tampar pantai, acara sukan pantai tradisional dan pertandingan tarik tali pantai. Menurut laporan statistik pengunjung yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Polis Daerah Port Dickson didapati bahawa jumlah keseluruhan para pengunjung yang hadir pada ketiga-tiga hari program tersebut adalah seramai 100,000 orang yang telah melebihi sasaran awalnya seramai 80,000 orang para pengunjung (Laman web Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian, Warisan dan Adat Istiadat Melayu).

Apabila pantai PD semakin terkenal sebagai satu pusat pelancongan menarik untuk dilawati, maka banyaklah proses penilaian serta perancangan pembangunan di sekitar kawasan tersebut akan dijalankan. Sebagai buktinya, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi kualiti pelancongan di pesisiran pantai PD. Majlis ini telah diisytiharkan sebagai MPPD dengan rasminya pada 2 Februari 2002. Dengan kenaikan tarafnya, MPPD ini telah merangka, merancang dan merealisasikan pembangunan sepanjang pesisiran pantai dengan menyediakan pelbagai produk kegiatan pelancongan dan aktiviti riadah di tepi pantai.

Perlaksanaan pembangunan oleh MPPD ini telah melibatkan kos dan faedah yang perlu dinilai dalam bentuk kewangan atau kuantitatif. MPPD ini telah membelanjakan sejumlah kos dalam penyediaan persekitaran kawasan pantai yang menghasilkan perkhidmatan pelancongan yang tersendiri dengan meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam di sekelilingnya. Apabila jumlah kos yang dibelanjakan ini lebih kecil daripada jumlah faedah yang diperolehi maka pembangunan yang dilaksanakan oleh MPPD ini telah memberi manfaat kepada para pengunjung dari dalam dan luar negara. Sebaliknya apabila jumlah kos yang dibelanjakan ini lebih besar daripada jumlah faedah yang diperolehi maka pembangunan yang dilaksanakan oleh MPPD tidak akan memberi manfaat kepada para pengunjung dari dalam dan luar negara.

Namun menghadapi kesukaran, apabila menilai faedah yang diperolehi oleh para pengunjung. Ini kerana, keseronokan serta kepuasan yang dinikmati oleh para pengunjung semasa berekreasi di pantai PD ini tidak boleh dinilai dalam bentuk

kuantitatif. Oleh itu, penilaian faedah rekreasi yang dinikmati oleh para pengunjung perlu dinilai dengan menggunakan konsep jumlah nilai ekonomi iaitu nilai guna tak langsung. Jumlah nilai ekonomi ini merupakan gabungan nilai guna dan nilai bukan guna. Pantai PD merupakan pantai yang telah memberi perkhidmatan rekreasi iaitu nilai guna tak langsung yang merupakan faedah keseronokkan yang diperolehi oleh para pengunjung setelah menikmati perkhidmatan yang disediakan di sekitar kawasan pantai tersebut.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian yang dikenal pasti bagi menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

#### **1.3.1 OBJEKTIF UMUM**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengukur nilai faedah rekreasi di pantai Port Dickson, Negeri Sembilan dengan menggunakan aplikasi Kaedah Kos Perjalanan (TCM).

#### **1.3.2 OBJEKTIF KHUSUS**

Secara khususnya, kajian ini turut dijalankan bagi mencapai beberapa matlamat berikut:

- i) Menilai permintaan rekreasi di pantai PD.
- ii) Mengukur faedah bersih perkhidmatan rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung.
- iii) Menganggar tahap kepuasan para pengunjung yang datang untuk tujuan berekreasi di pantai PD.

#### 1.4 SKOP KAJIAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Tumpuan utama kajian ini adalah di pesisiran pantai PD yang terletak di Negeri Sembilan yang mempunyai hamparan pantai sepanjang 40 kilometer. Ia merupakan sebuah destinasi pelancongan dan kawasan rekreasi utama yang mempunyai ramai pengunjung dari dalam dan luar negara. Keadaan pantainya landai, bersih, pasir putih halus dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kedai makanan, bilik mandi dan tandas serta pondok-pondok rehat.

Dalam kajian ini Pendekatan TCM telah digunakan untuk menganggar nilai faedah ekonomi rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung ke pantai PD ini. TCM merupakan teknik yang biasa digunakan untuk menilai barang dan perkhidmatan yang tiada pasaran (non-market goods). TCM kerap diaplikasikan untuk penilaian ekonomi dan mengukur permintaan untuk rekreasi dengan menggunakan gelagat penggunaan dalam sesuatu pasaran. Jenis pendekatan TCM yang digunakan dalam kajian ini adalah Kaedah Individual Travel Cost Method (ITCM) yang mengambilkira bilangan lawatan yang dibuat oleh setiap individu. Ini bermakna kaedah ini digunakan untuk mengira perbelanjaan pengunjung yang ditanggung semasa melawat tempat tersebut, termasuk masa yang digunakan untuk sampai ke tempat rekreasi serta masa yang digunakan untuk mengunjung ke tempat tersebut. Kos perbelanjaannya termasuk kos lawatan, perbelanjaan di tempat rekreasi tersebut seperti perbelanjaan makan dan minum, perbelanjaan sewa kemudahan dan sebagainya.

Satu fungsi model kajian telah digunakan dalam kajian ini untuk menentukan jumlah bilangan kunjungan para pengunjung ke pantai PD. Jumlah bilangan kunjungan merupakan pembolehubah bersandar dalam model kajian yang diterbitkan manakala pembolehubah-pembolehubah bebas adalah seperti jumlah kos perjalanan, umur, jantina, tahap pendidikan, pendapatan bulanan dan Multiple Purpose Visitors (MPV) bagi para pengunjung. Jumlah responden yang dipilih dalam kajian ini adalah seramai 200 orang yang terdiri daripada para pengunjung dari dalam dan luar negeri sahaja. Pemilihan sampel adalah pengunjung domestik sahaja kerana untuk mengelakkan daripada berlaku jurang perbezaan diantara pendapatan serta kos

perjalanan. Hasil kajian akan menunjukkan nilai faedah rekreasi yang diperolehi oleh setiap para pengunjung ke kawasan pantai ini serta dapat membantu kajian ini untuk menggira lebih pengguna serta membuat penilaian ekonomi.

## **1.5 KESIMPULAN**

Pantai PD merupakan sebuah pusat pelancongan dan rekreasi yang kaya dengan pemandangan yang cantik ini telah menarik minat para pengunjung dari dalam dan luar negara. MPPD telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi kualiti dan perkhidmatan pelancongan di pesisiran pantai PD dengan menyediakan pelbagai infrastruktur serta kemudahan awam di persekitarannya. Apabila jumlah kos yang dibelanjakan lebih kecil daripada jumlah faedah yang diperolehi maka pembangunan yang dijalankan telah memberi maanfaat kepada para pengunjung. Penilaian keseronokan serta kepuasan yang dinikmati oleh para pengunjung yang mengunjungi pantai PD dapat dinilai dengan menggunakan konsep Jumlah Nilai Ekonomi yang melibatkan nilai gunaan serta nilai bukan gunaan. Seterusnya, untuk menilai faedah rekreasi para pengunjung, maka pendekatan TCM telah digunakan dalam kajian ini. Jenis kaedah TCM yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah ITCM yang lebih menggunakan maklumat-maklumat yang dikumpul sewaktu melakukan penyelidikan dengan temuramah dengan para pengunjung di sekitar kawasan pantai PD.

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**


#### **2.1 PENGENALAN**

Di dalam bab dua ini akan menerangkan latar belakang pantai PD, sistem pengurusan pantai PD serta ulasan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh ahli-ahli ekonomi. Keunikan pantai PD sebagai sebuah tempat pelancongan yang menarik telah dijelaskan secara terperinci di dalam latar belakang kajian. Tambahan pula, peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan bandar iaitu MPPD juga diterangkan. Seterusnya, ulasan yang diterangkan dalam bahagian ini setelah menganalisis beberapa kajian-kajian lepasan yang pernah dilakukan oleh ahli-ahli ekonomi. Didapati bahawa untuk menilai faedah rekreasi ahli-ahli ekonomi tersebut telah menggunakan kaedah seperti TCM dan Contingent Valuation Method (CVM).



## 2.2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

**Rajah 2.1 : Kedudukan pantai Port Dickson di Negeri Sembilan.**



(Sumber : Laman web rasmi MPPD)

Bandar PD merupakan sebuah bandar pantai peranginan yang terkenal dengan kegemilangannya yang unik telah menghiasi pinggir pantai Selat Melaka sepanjang kawasan perairan di Negeri Sembilan. Pantai PD ini terletak 30 kilometer dari Seremban dan lebih kurang 70 kilometer dari bandaraya Kuala Lumpur. Hampanan pantai ini adalah sepanjang 40 kilometer.

Keunikan serta keindahan alam semulajadi yang kaya dengan flora dan fauna yang dimiliki oleh pantai ini menyebabkan ianya dijadikan sebagai sebuah destinasi pelancongan yang utama di Negeri Sembilan. Pantai PD telah dibekalkan dengan pelbagai kemudahan serta infrastruktur di sekitarnya seperti tempat penginapan, tandas awam, telefon awam, pondok rehat, kedai makanan dan taman permainan telah menarik minat pelancong ke kawasan tersebut. Ciri perbandaran peranginan moden serta pemandangan yang cantik ini telah menjadikan pesisiran pantai PD sebagai pusat pelancongan dan rekreasi yang sangat popular bagi pengunjung yang terdiri dari dalam dan luar negara. Para pengunjung telah menjadikan pantai PD ini sebagai kawasan rekreasi dengan meluangkan masa dan telah menikmati keindahan tersebut.



Menurut kenyataan menteri pelancongan didapati jumlah bilangan para pelancong yang mengunjungi pantai PD telah meningkat sebanyak 3.06 peratus dari 1,227,304 orang pada tahun 2006 kepada 1,264,896 orang pada tahun 2007. Kenyataan ini telah membuktikan bahawa, bilangan pengunjung ke pantai PD ini semakin hari semakin meningkat kerana pantai ini telah menghasilkan perkhidmatan pelancongan yang tersendiri seperti menyelam, memancing, berkhemah, rekreasi air, berkayak dan banyak lagi.

Semakin lama semakin terkenal pantai PD ini sebagai satu pusat pelancongan menarik untuk dilawati, maka banyakkah proses penilaian serta perancangan pembangunan di sekitar kawasan tersebut akan dijalankan. MPPD memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi kualiti pelancongan di pesisiran pantai PD.

### 2.2.1 SISTEM PENGURUSAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

**Rajah 2.2 : Majlis Perbandaran Port Dickson**



(Sumber : Laman web rasmi MPPD)

Majlis Perbandaran Port Dickson telah diisytiharkan sebagai Majlis Perbandaran dengan rasminya pada 2 Februari 2002. Ianya mempunyai kawasan seluas 140.32 km persegi. Dengan kenaikan tarafnya sebagai Majlis Perbandaran, Majlis mendokong bersama misi dan wawasan yang menentukan hala tuju arah pembangunan yang penuh cabaran membangunkan satu identiti unik, tulen dan mempersonakan bagi Port Dickson sebagai destinasi percutian yang tiada tandingannya sambil menyediakan produk kegiatan pelancongan dan aktiviti riadah tepi pantai dan mempertingkatkan

kemudahan asas dan awam. Tambahan pula, memperkukuhkan lagi ekonomi tempatan menerusi rancangan pembangunan yang dirangka ke arah memanifestasikan bandar Port Dickson ini sebagai bandar peranginan tepi pantai yang serba moden dan terkenal.

## 2.3 KAJIAN LEPAS

Terdapat ramai penyelidik telah membuat kajian tentang nilai ekonomi sesuatu kawasan yang terkenal di negara mereka serta telah membuktikan dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti TCM dan CVM yang dapat menilai nilai guna langsung kawasan yang dikaji.

Udomsak Seenprachawong (1999) telah menyelidik tentang penilaian ekonomi ke atas terumbu karang serta menggunakan nilai ekonomi tersebut untuk meningkatkan pengurusan terumbu karang di negara Thailand. Tumpuan utama kajian ini adalah ke atas terumbu karang di pulau Phi Phi. Penilaian ekonomi ke atas terumbu karang di kawasan ini dengan menggunakan kaedah TCM dan CVM. Penggunaan kaedah TCM untuk menganggar lebih pengguna manakala kaedah CVM untuk mendapatkan kesanggupan membayar (WTP). Hasil kajian menunjukkan bahawa terumbu karang dapat memberi pulangan ekonomi yang besar melalui WTP para pengguna untuk aktiviti penjagaan terumbu karang tersebut. Jumlah faedah rekreasi yang diperolehi daripada perkhidmatan rekreasi di pulau Phi Phi adalah sebanyak US\$205.41 million setahun.

Kajian Ram K.Shrestha, Andrew F.Seidl dan Andre S.Moraes (2002) telah menunjukkan perbandingan diantara model data pengiraan tidak linear, Poisson dan Binomial digunakan untuk menganggar permintaan rekreasi memancing. Kawasan kajian ini bertumpu kepada kawasan Pantanal di negara Brazil. Nilai guna rekreasi kawasan kajian ini yang menawarkan perkhidmatan memancing dapat dianggarkan dalam terma menggunakan konsep WTP dan lebih pengguna. Dalam kajian ini sebanyak 586 soal selidik telah digunakan. Didapati purata lebih pengguna yang dianggarkan untuk satu hari adalah \$86.35 hingga \$139.91. Kajian ini juga telah menunjukkan jumlah kebajikan (total welfare) rekreasi memancing di kawasan

Brazilian Pantanal adalah dalam lingkungan \$35 hingga \$56 million. Kajian ini juga penting kepada pengurusan sumber di kawasan Pantanal dan menjadikan sebagai bahan rujukan untuk menilai sumber-sumber dalam ekosistem di dunia.

Menurut Antoni Riera Font (1999), telah menyatakan bahawa projek dan rancangan untuk melindungi alam sekitar dalam membantu perkhidmatan rekreasi seperti aktiviti-aktiviti pelancongan. Kawasan kajiannya bertumpu di Mallorca. Kaedah TCM digunakan untuk mengukur nilai rekreasi yang diperolehi oleh para pelancong apabila menikmati perkhidmatan rekreasi yang disediakan. Dalam kajian ini bilangan kunjungan serta jumlah kos perjalanan telah diambilkira. Kajian ini telah membuktikan bahawa bilangan kunjungan para pelancong ke kawasan ini bergantung kepada jarak perjalanan serta kriteria-kriteria penting seperti kos perbelanjaannya. Seterusnya, kriteria sosioekonomi para penduduk juga telah menentukan bilangan kunjungan serta penglibatan dalam aktiviti rekreasi di kawasan kajian tersebut.

Tambahan pula, Serkan Gurluk dan Erkan Rehbar (2006) telah menganalisis nilai rekreasi ekonomi tetapi perlindungan sejenis burung di kawasan Kuscenneti Natioanal Park(KNP) di Lake Manyas. Kawasan kajian adalah KNP yang berlokasi di Balikesir, Turkey. Penyelidik-penyelidik kajian ini telah menggunakan kaedah TCM untuk menganggar permintaan rekreasi terhadap kawasan kajian. Faedah yang diperolehi oleh para pengunjung telah memberi kesan langsung apabila mereka membuat perbelanjaan untuk membeli makanan, meluangkan masa dan untuk perkara-perkara lain yang telah memberi keseronokkan serta kepuasan kepadanya semasa berekreasi di tempat ini. Sebanyak 228 soal selidik telah digunakan dalam kawasan kajian ini. Hasil kajiannya didapati bahawa pembangunan secara mapan di sekitar kawasan kajian boleh dicapai sekiranya penghuni di kawasan ini telah digantikan dengan para pengunjung.

Ram K. Shrestha, Taylor V. Stein dan Julie (2003) telah membuat analisis tentang permintaan para pengunjung terhadap rekreasi semulajadi di sungai Apalachicola di kawasan Florida. Ketiga-tiga penyelidik ini mengaplikasikan kaedah TCM untuk menganalisis permintaan rekreasi semulajadi dan menganggar nilai ekonomi sumber alam di kawasan kajian. Dalam kajian ini, didapati lima kawasan rekreasi yang telah

dipilih berdasarkan pembangunan, kemudahan perjalanan dan peluang rekreasi yang disediakan untuk membuat perbandingan antara perkhidmatan yang diperoleh daripada satu kawasan dengan kawasan yang lain. Lima kawasan rekreasi tersebut ialah St. Vincent National Wildlife Refuge, Tate's Hell State Forest, Apalachicola River Wildlife and Environment Area (WEA), Apalachicola National Forest dan St. George Island State Park. Daripada kesemua kawasan kajian ini didapati kawasan St. George Island State Park merupakan kawasan yang mengalami pembangunan yang dikenali sebagai tempat rekreasi yang utama kerana terdapat banyak aktiviti-aktiviti riadah dijalankan di destinasi tersebut. Hasil kajian, telah membuktikan jarak perjalanan ke sesuatu destinasi rekreasi meningkat, maka ini akan mengurangkan bilangan kunjungan para pengunjung ke kawasan tersebut. Ini telah menyebabkan keluk permintaan rekreasi bercerun negatif serta nilai ekonomi terhadap kawasan ini juga menurun.

## **2.4 KESIMPULAN**

Kawasan kajian pesisiran pantai PD ini telah menawarkan pelbagai tempat-tempat rekreasi kepada para pengunjung dari dalam dan luar negara. Keunikan kawasan pantai ini sebagai sebuah destinasi pelancongan menyebabkan bilangan para pengunjung semakin hari semakin meningkat dan memberi kesan positif terhadap pembangunan ekonomi negara. Disamping itu, MPPD juga memainkan peranan penting dalam mempersonakan lagi bandar PD sebagai destinasi percutian yang tiada tandingannya. Seterusnya di bawah bidang kuasa MPPD, pelbagai produk kegiatan pelancongan dan aktiviti-aktiviti riadah tepi pantai telah disediakan demi kepentingan dan keselesaan para pengunjung yang mengunjungi ke pantai PD. Menurut analisis terhadap sorotan kajian lepasan didapati bahawa untuk menilai feadah rekreasi seseorang para pengunjung kebanyakan penyelidik telah menggunakan kaedah TCM serta mendapatkan juga jumlah nilai WTP para pengunjung. Hasil kajian daripada kajian-kajian lepasan ini telah membuktikan bahawa jarak sehala sesebuah tempat rekreasi, kos perjalanan dan keindahan serta kepelbagaian produk kegiatan pelancongan yang terdapat di sesebuah kawasan rekreasi telah mendorong bilangan kunjungan para pengunjung.



## **BAB III**

### **METHODOLOGI KAJIAN**


#### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab tiga ini merupakan metodologi kajian yang telah menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan semasa kajian ini dijalankan. Objektif utama kajian adalah mengkaji dan mengukur nilai faedah rekreasi di pantai Port Dickson, Negeri Sembilan dengan menggunakan kaedah TCM. Bagi mencapai objektif kajian ini, spesifikasi model kajian amat penting bagi menyokong segala persoalan kajian yang telah diutarakan. Seterusnya data primer telah digunakan iaitu melibatkan pertanyaan secara langsung dengan para pelancong melalui soal selidik di kawasan kajian yang dipilih. Selain itu, data sekunder seperti keratan akhbar dan peta telah digunakan. Dalam bahagian ini juga, terdapat penjelasan mengenai konsep jumlah nilai ekonomi dan teknik-teknik yang digunakan untuk menganggar nilai tersebut.

### 3.2 KONSEP JUMLAH NILAI EKONOMI

Penilaian ekonomi merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk mengukur serta membandingkan pelbagai faedah yang diperolehi daripada sumber, ekosistem dan peningkatan kualiti alam sekitar. Seterusnya penilaian ekonomi terhadap alam sekitar ini dapat dijelaskan dengan menggunakan konsep Jumlah Nilai Ekonomi (TEV). TEV ini telah dibahagikan kepada dua jenis iaitu Nilai Gunaan (NG) dan Nilai Bukan Gunaan (NBG).

**Rajah 3.1: Jumlah Nilai Ekonomi**



(Sumber : Laman web *the encyclopedia of earth*)

TEV merupakan gabungan NG dan NBG. NG bermaksud faedah yang diperolehi akibat penggunaan barang dan perkhidmatan sumber alam sekitar. NG dibahagikan kepada tiga iaitu nilai guna langsung, nilai guna tak langsung dan nilai pilihan. Manakala NBG bermaksud nilai atau faedah yang diperolehi akibat penggunaan barang atau perkhidmatan sumber alam sekitar secara langsung dan tak langsung. NBG dibahagikan kepada dua iaitu nilai warisan dan nilai kewujudan.

Kawasan yang dipilih dalam kajian ini merupakan pesisiran pantai PD yang telah memberi perkhidmatan rekreasi yang merupakan nilai guna tak langsung yang merupakan faedah keseronokkan yang diperolehi oleh para pengunjung setelah menikmati perkhidmatan yang disediakan di sekitar kawasan pantai ini.

### **3.3 TEKNIK PENILAIAN EKONOMI ALAM SEKITAR**

Teknik penilaian ekonomi alam sekitar merupakan satu teknik yang digunakan untuk mengukur pelbagai faedah yang diperolehi daripada kewujudan alam sekitar ini. Terdapat dua jenis teknik penilaian ekonomi alam sekitar iaitu keutamaan di dedah (Revealed Preferences, RP) dan keutamaan di nyata (Stated Preferences, SP).

Dalam kajian ini, kaedah RP telah diaplikasikan kerana tumpuan utama kajian ini adalah terhadap keseronokan serta kepuasan yang dinikmati oleh para pengunjung yang tidak boleh dikira secara kuantitatif dan faedah rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung perlu dinilai dengan menggunakan pendekatan kaedah TCM. TCM merupakan salah satu kaedah RP yang sesuai digunakan untuk menilai aset rekreasi melalui jumlah perbelanjaan perjalanan yang sanggup dibelanjakan oleh para pengunjung ke pantai PD ini.



### 3.4 KAEDAH KOS PERJALANAN (TCM)

Kaedah TCM biasanya diaplikasikan dalam tiga keadaan seperti aliran perkhidmatan rekreasi di sesuatu kawasan, nilai bagi kawasan rekreasi baru dan perubahan kualiti alam sekitar di kawasan rekreasi. Tetapi dalam kajian ini TCM diaplikasikan untuk mengukur dan menilai faedah perkhidmatan rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung apabila mengunjungi ke pantai ini dan menikmati keindahannya. Terdapat dua jenis TCM iaitu Zonal Travel Cost Method (ZTCM) dan Individual Travel Cost Method (ITCM).

**Jadual 3.1 : Jenis-jenis kaedah TCM serta pendekatan yang digunakan.**

JENIS TCM	PENDEKATAN
Zonal Travel Cost Method (ZTCM)	Lebih banyak menggunakan data sekunder dan maklumat tambahan yang dikumpul daripada para pengunjung.
Individual Travel Cost Method (ITCM)	Lebih menggunakan maklumat yang dikumpul apabila melakukan penyelidikan dengan temuramah dengan para pengunjung.

(Sumber : Laman web *ecosystem valuation*)

Menurut jadual 3.1 diatas didapati bahawa terdapat dua jenis kaedah TCM serta terdapat beberapa pendekatan yang digunakan semasa menggunakan setiap satu jenis TCM ini. Walaubagaimanapun, jenis kaedah TCM yang digunakan dalam kajian adalah ITCM yang telah mengambilkira bilangan lawatan yang dibuat oleh setiap individu dalam tempoh tertentu. Untuk mengumpul maklumat tentang faedah yang diperolehi oleh para pengunjung, maka suatu tinjauan serta kajian penyelidikan (survey) telah dilakukan di kawasan pesisiran pantai ini. Soal selidik yang digunakan semasa penyelidikan ini telah meliputi beberapa aspek iaitu latar belakang responden, jumlah kos perjalanan dan kepuasan responden terhadap faedah yang diperolehi daripada perkhidmatan rekreasi. Selepas penyelidikan dijalankan, didapati bahawa data tinjauan yang diperolehi

digunakan untuk menganggar serta menggunakan analisis regresi model untuk membuktikan hubungan antara bilangan kunjungan, kos perjalanan dan pembolehubah-pembolehubah yang lain. Tambahan pula, lebih pengguna bagi kajian ini juga dapat ditentukan.

### 3.5 PEMBENTUKAN MODEL KAEDAH KOS PERJALANAN (TCM)

Jenis kaedah TCM iaitu ITCM digunakan untuk menganggarkan permintaan rekreasi dan lebih pengguna (CS).

Fungsi permintaan rekreasi:

$$V_{ab} = f(TC_{ab}, S_a)$$

Di mana ;

$V_{ab}$  = bilangan kunjungan oleh individu  $a$  ke kawasan  $b$

$TC_{ab}$  = kos yang ditanggung oleh individu  $a$  untuk ke kawasan  $b$

$S_a$  = semua faktor sosio ekonomi yang menentukan kunjungan individu  $a$

Terdapat dua jenis spesifikasi pembentukan model telah digunakan dalam kajian ini. Model-model tersebut terdiri daripada Modal Regresi Linear dan Modal Semi-Log. Hasil yang diperolehi daripada persamaan model tersebut telah digunakan untuk menentukan lebih pengguna para pengunjung dan mengira jumlah faedah ekonomi. Spesifikasi model permintaan rekreasi bagi kaedah TCM adalah seperti yang berikut.

### i) Model Persamaan Permintaan

$$\Rightarrow Q = f( TC, UMUR, PENDAPATAN, PENDIDIKAN, JANTINA, MPV)$$

Di mana:

Q	= jumlah bilangan kunjungan responden
TC	= jumlah kos lawatan responden
UMUR	= umur responden
PENDAPATAN	= pendapatan bulanan responden
PENDIDIKAN	= tahap pendidikan responden (1 = pendidikan tinggi ; 0 = pendidikan rendah)
JANTINA	= jantina responden (1 = lelaki ; 0 = perempuan)
MPV	= Multiple Purpose Visitors (1 = ya ; 0 = tidak)

### ii) Model Regresi Linear

$$\Rightarrow Q = \beta_0 + \beta_1 TC + \beta_2 UMUR + \beta_3 PENDAPATAN + \beta_4 PENDIDIKAN + \beta_5 JANTINA + \beta_6 MPV + \varepsilon$$

### iii) Model Regresi Semi-Log

$$\Rightarrow \ln Q = \beta_0 + \beta_1 TC + \beta_2 UMUR + \beta_3 PENDAPATAN + \beta_4 PENDIDIKAN + \beta_5 JANTINA + \beta_6 MPV + \varepsilon$$

### 3.6 PENERANGAN PEMBOLEHUBAH

#### i) Jumlah Bilangan Kunjungan (Q)

Jumlah kunjungan merupakan jumlah bilangan kunjungan yang dibuat oleh setiap para pengunjung yang mengunjungi ke pantai PD. Jumlah bilangan kunjungan yang telah diambilkira dalam kajian ini merupakan bilangan kunjungan bagi 200 responden dalam tempoh satu tahun. Seterusnya, pembolehubah Q ini telah dijadikan sebagai pembolehubah bersandar dalam kajian ini kerana terdapat faktor-faktor seperti jumlah kos, umur, pendapatan, pendidikan, jantina dan MPV yang akan mempengaruhinya.

#### ii) Jumlah Kos Lawatan (TC)

Kos perjalanan merupakan jumlah kos perbelanjaan para pengunjung sepanjang perjalanan ke pantai PD. Perbelanjaan seseorang responden telah merangkumi aspek-aspek seperti berikut iaitu pembayaran penyelenggaraan kenderaan, bayaran minyak untuk kenderaan yang dinaiki, bayaran tol, perbelanjaan makanan dan minuman semasa perjalanan, kos bagi tempat penginapan, sewa termasuk tambang bas awam, teksi dan sewa yang dibayar apabila menyewa bot dan akhirnya adalah bayaran untuk pakej. Tetapi kos perjalanan yang merangkumi kesemua aspek diatas ini tidak dimasukkan ke dalam model kajian ini. Manakala kos perjalanan yang dikira seperti rumus dibawah telah digunakan dalam model kajian ini. Iaitu : jumlah jarak seseorang responden didarap dengan RM0.60. Hasil yang diperolehi diganda dua untuk mendapatkan jumlah TC.

$$\text{Jumlah Kos (TC)} = \text{Jarak Sehala Perjalanan} \times \text{RM0.60} \times 2$$

Nilai RM0.60 ialah purata pengguna petrol bagi satu kilometer pada masa kini. Jarak sehala perjalanan didarabkan dengan dua kerana mengambilkira kos perjalanan untuk pergi dan balik dari pantai PD.

**iii) Umur (UMUR)**

Umur responden dijadikan sebagai pembolehubah bebas dalam kajian ini untuk mendapatkan golongan responden yang sering serta golongan responden yang jarang mengunjungi pantai PD.

**iv) Pendapatan (PENDAPATAN)**

Pendapatan yang diambilkira dalam kajian ini merupakan pendapatan individu yang mengunjungi pantai PD. Sumber pendapatan para pengunjung boleh terdiri daripada gaji atau upah yang diperolehi apabila melibatkan diri dalam alam pekerjaan. Dengan memperolehi pendapatan setiap individu, hasil kajian dijangka iaitu apabila pendapatan individu meningkat maka bilangan kunjungan individu tersebut juga meningkat.

**v) Pendidikan (PENDIDIKAN)**

Tahap pendidikan responden diambilkira untuk melihat pengaruh pendidikan terhadap jumlah bilangan kunjungan para pengunjung yang berkunjung ke pantai PD. Tahap pendidikan dalam kajian ini telah dijadikan sebagai pembolehubah patung (dummy variable) iaitu 1 bersamaan dengan pendidikan tinggi dan 0 bersamaan dengan pendidikan rendah.

**vi) Jantina(JANTINA)**

Jantina seseorang responden dijadikan sebagai pembolehubah bebas dalam model kajian ini dan iainya telah dijadikan sebagai pembolehubah patung (dummy variable) iaitu jantina lelaki adalah bersamaan dengan 1 dan jantina perempuan adalah bersamaan dengan 0.

### vii) Multiple Purpose Visitor (MPV)

MPV merupakan satu pembolehubah bebas dalam model kajian ini. Dalam model kajian ini pembolehubah MPV telah dijadikan sebagai pembolehubah patung (dummy variable) iaitu 1 bersamaan dengan ya dan 0 bersamaan dengan tidak.

## 3.7 PENGIRAAN LEBIHAN PENGGUNA

Pengiraan lebihan pengguna bagi kedua-dua model Regresi Linear dan Regresi Semi-Log dalam kajian ini dikira dengan menggunakan model seperti berikut:

$$CS = \frac{1}{\beta_1} \left[ e^{(\beta_0 + \beta_1 \overline{TC} + \beta_2 UMUR + \beta_3 PENDAPATAN + \beta_4 PENDIDIKAN + \beta_5 JANTINA + \beta_6 MPV)} \right] \frac{TC^*}{\overline{TC}}$$

dimana  $TC^*$  merupakan nilai maksimum kos perjalanan iaitu *choke price* dan  $\overline{TC}$  merupakan kos purata bagi kos perjalanan.

## 3.8 PEMBENTUKAN SOAL SELIDIK

Pembentukan soal selidik dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A ialah latar belakang responden yang meliputi jantina, umur, kewarganegaraan, negeri asal, bangsa, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, kategori pekerjaan, bilangan tanggungan dan jumlah pendapatan bulanan. Manakala bahagian B pula ialah maklumat berkenaan dengan kos perjalanan responden. Dalam bahagian ini, responden akan didedahkan dengan soalan berkaitan jarak lawatan, tempoh masa yang diambil untuk sampai ke destinasi pantai ini, tujuan kunjungan, cara mendapatkan maklumat mengenai destinasi pelancongan, jenis kenderaan yang digunakan, tempoh percutian serta bilangan lawatan dalam satu tahun. Bahagian C pula adalah kepuasan responden terhadap perkhidmatan rekreasi di pantai ini. Dalam bahagian ini pula, responden didedahkan dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan tahap kepuasan terhadap kemudahan serta



perkhidmatan yang ada di pantai PD ini. Seterusnya responden dikehendaki menilai kesedaran tentang tahap kualiti persekitaraan di pantai tersebut.

### **3.8.1 LOKASI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan di sekitar kawasan pantai Port Dickson yang mempunyai hamparan sepanjang 40 kilometer. Kawasan pesisiran pantai ini dipilih sebagai lokasi utama kajian ini kerana ia merupakan sebuah destinasi pelancongan utama yang sentiasa mempunyai ramai pengunjung dari dalam dan luar negara. Dijangka lokasi kajian ini menghasilkan keputusan yang dinamik kerana kawasan ini telah mempunyai majoriti penduduk serta para pelancong yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama.

### **3.8.2 PEMILIHAN SAMPEL KAJIAN**

Dalam kajian ini, saiz sampel responden telah dipilih adalah seramai 200 orang yang terdiri daripada responden yang pengunjung domestik. Seterusnya, responden yang berada dalam lingkungan umur antara 18 hingga 60 tahun diberi keutamaan. Ini kerana responden yang berada dalam lingkungan ini dijangka mempunyai pekerjaan serta pendapatan bulanan yang sangat mempengaruhi hasil kajian ini.

### **3.8.3 TEMPOH PERLAKSANAAN KAJIAN**

Perlaksanaan penyelidikan kajian ini memerlukan tempoh masa selama sebulan. Tambahan pula, penyelidikan kajian penilaian faedah rekreasi ini telah dijalankan setiap hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad. Ini kerana pada hujung minggu didapati bahawa ramai pengunjung yang meluangkan masa lapang mereka dengan menikmati keindahan alam semulajadi pantai Port Dickson ini. Seterusnya, penyelidikan ini juga dijalankan pada hari biasa iaitu pada hari Selasa dan Khamis untuk mengelakkan daripada berlaku ralat.



### 3.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini menjelaskan tentang kawasan kajian dengan menggunakan konsep penilaian ekonomi. Kawasan kajian pantai PD dapat dinilai dengan menggunakan nilai guna iaitu nilai guna tak langsung. Dalam kajian ini juga kaedah RP telah diaplikasikan kerana tumpuan utama kajian ini adalah terhadap keseronokan serta kepuasan yang dinikmati oleh para pengunjung yang tidak boleh dikira secara kuantitatif dan faedah rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung perlu dinilai dengan menggunakan pendekatan kaedah TCM. Jenis kaedah TCM yang digunakan dalam kajian ini adalah ITCM yang telah mengambilkira bilangan lawatan yang dibuat oleh setiap individu dalam tempoh satu tahun. Seterusnya, model permintaan asas bagi TCM telah dibentuk dan juga dua model regrasi iaitu model regrasi Linear dan model regrasi Semi-Log telah diterbitkan. Pemboleubah bersandar dan pemboleubah-pembolehubah bebas telah diterangkan dalam bab ini. Akhirnya pembentukan borang soal selidik untuk tinjauan serta kajian penyelidikan (survey) telah diterangkan.

## **BAB IV**

### **HASIL KAJIAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini merupakan hasil kajian yang diperolehi daripada menyoal selidik sebanyak 200 responden di sekitar kawasan pantai PD. Segala keputusan kajian yang telah dijalankan telah dianalisis serta dihuraikan secara terperinci di dalam bab ini dengan menggunakan 'Statistical Package For The Social Science'(SPSS) dan perisian Microsoft Excel. Hasil soal selidik yang diterangkan akan merangkumi tiga bahagian iaitu latar belakang responden, kos perjalanan responden dan tahap kepuasan responden. Selain itu, hasil kajian regresi diterangkan dengan menggunakan Kaedah Regresi iaitu menggunakan model regresi Linear dan model Semi-Log.


#### **4.2 ANALISIS DISKRIPTIF**

Terdapat tiga bahagian dalam borang soal selidik yang dibentuk untuk kajian ini. Setiap bahagian di dalam soal selidik tersebut telah diterangkan menggunakan analisis diskriptif iaitu jadual dan rajah. Pertama adalah bahagian A iaitu mengenai latar belakang responden yang melibatkan jantina, umur, jenis kaum, negeri asal, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, kategori pekerjaan, pendapatan individu dan pendapatan isirumah. Manakala bahagian B merupakan kos perjalanan responden iaitu antaranya yang

berkaitan adalah jarak sehala dan masa perjalanan dari tempat tinggal responden, destinasi yang melawat, tujuan melawat, sumber maklumat, kos responden, tempoh percutian dan jumlah bilangan kunjungan ke pantai kajian ini. Bahagian C pula adalah menerangkan tentang tahap kepuasan responden terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di sekitar pantai PD.


#### 4.2.1 BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

**Rajah 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina**




Rajah 4.1 di atas ini dapat menerangkan peratus pengunjung golongan lelaki dan perempuan dalam kajian ini. Daripada 200 responden yang telah ditemuduga, didapati sebanyak 53% adalah golongan lelaki dan sebanyak 47% adalah golongan perempuan.

**Rajah 4.2 : Taburan Responden Mengikut Umur**




Rajah 4.2, telah menunjukkan taburan responden mengikut umur. Berdasarkan rajah di atas, kumpulan umur yang paling tinggi melakukan kunjungan ke kawasan pantai PD adalah pengunjung yang berumur diantara 21 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 45%. Didapati bilangan pengunjung yang berumur diantara 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun adalah hampir sama antara satu sama lain iaitu sebanyak 20%. Pengunjung yang paling rendah peratusan yang berkunjung ke pantai PD adalah pengunjung yang berumur diantara 11 hingga 20 dan 51 hingga 60 iaitu masing-masing sebanyak 9% dan 6%.

**Rajah 4.3 : Taburan Responden Mengikut Jenis Kaum**



Didapati bilangan responden dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai jenis kaum yang menunjukkan bahawa semangat pengunjungan ke kawasan rekreasi iaitu ke pantai PD semakin meningkat di kalangan masyarakat tanpa mengira perbezaan perkauman. Berdasarkan Rajah 4.3 diatas, didapati daripada keseluruhan responden, sebanyak 45% adalah kaum Melayu, 16% adalah kaum Cina dan 39% adalah kaum India. Perbezaan dalam jenis kaum ini disebabkan kerana di kawasan kajian ini majoritinya terdiri daripada penduduk Melayu dan diikuti oleh kaum India manakala bilangan kaum Cina adalah rendah.


**Rajah 4.4: Taburan Responden Mengikut Negeri Asal**



Rajah 4.4 diatas telah menunjukkan taburan responden mengikut negeri asal. Terdapat 6 negeri asalnya iaitu Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bahru, Selangor dan Perak. Kebanyakan responden dalam kajian ini adalah responden yang bermastautin di Negeri Sembilan kerana kajian ini telah dijalankan di sekitar kawasan pantai PD yang berada di negeri tersebut. Sebanyak 65.5% daripada jumlah responden kajian ini adalah orang yang bermastautin di Negeri Sembilan manakala yang selebihnya iaitu sebanyak 35% adalah responden dari negeri-negeri lain seperti Johor Bahru, Melaka, Kuala Lumpur, Perak dan Selangor.




**Rajah 4.5 : Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan**



Menurut Rajah 4.5, taburan responden mengikut taraf perkahwinan di kategorikan kepada dua iaitu bujang dan berkahwin. Bilangan para pengunjung yang berkahwin telah menunjukkan kuantiti pengunjung yang tinggi iaitu sebanyak 58% berbanding dengan bilangan para pengunjung yang masih bujang iaitu sebanyak 42%. Ini selari dengan taburan umur para responden seperti yang dinyatakan dalam rajah 4.2 iaitu golongan responden yang tertinggi adalah berada pada lingkungan umur diantara 20 hingga 30 tahun.


**Rajah 4.6 : Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan**



Rajah 4.6 telah menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan. Berdasarkan graf bar di atas, pengunjung yang mempunyai pendidikan pada peringkat STPM/Diploma merupakan pengunjung yang tertinggi di kawasan pantai PD ini iaitu sebanyak 33%. Manakala pengunjung yang kedua tertinggi adalah yang mempunyai pendidikan Sekolah Menengah/SPM iaitu sebanyak 30.5%. Peratusan bagi pengunjung yang mempunyai pendidikan pada peringkat Universiti/Ijazah, Sekolah rendah/UPSR dan tiada pendidikan formal adalah masing-masing iaitu 11.5%, 9% dan 16%.




**Rajah 4.7 : Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan**



Berdasarkan Rajah 4.7 di atas, para pengunjung yang terdiri daripada kakitangan swasta, bekerja sendiri serta kakitangan kerajaan telah menunjukkan kuantiti bilangan responden yang paling tinggi ke pantai PD adalah masing-masing sebanyak 33%, 25% dan 24%. Seterusnya adalah pengunjung yang merupakan golongan pelajar sebanyak 11% manakala pengunjung yang merupakan sebagai pesara mempunyai peratusan sebanyak 5%. Peratusan yang paling rendah adalah golongan lain-lain iaitu sebanyak 2%.

**Rajah 4.8 : Taburan Responden Mengikut Tingkat Pendapatan Individu**



Rajah 4.8 menunjukkan taburan pendapatan bulanan seseorang individu. Pendapatan bulanan individu dikategorikan mengikut skala pendapatan seperti dalam rajah diatas. Para pengunjung yang mempunyai pendapatan diantara RM 500 hingga RM 1000 merupakan peratusan pengunjung yang paling tertinggi iaitu sebanyak 29%. Manakala sebanyak 14% merupakan responden yang memperolehi pendapatan yang kurang daripada RM500.

#### 4.2.2 BAHAGIAN B: KOS PERJALANAN RESPONDEN

**Jadual 4.1 : Jarak Sehala Dari Tempat Tinggal Responden Ke Pantai Port Dickson**

<b>Jarak Sehala (Kilo Meter/km)</b>	<b>Bilangan Responden (orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
0 – 100	181	90.5
101 – 200	14	7
201 – 300	3	1.5
301 – 400	1	0.5
401 - 500	1	0.5
<b>JUMLAH</b>	<b>200</b>	<b>100</b>


Jadual 4.1 diatas telah menunjukkan jarak sehala dari tempat tinggal seseorang responden ke pantai PD. Berdasarkan jadual didapati bahawa, pengunjung yang paling tinggi mengunjungi ke pantai PD apabila jarak sehala dari tempat tinggalnya berada dari 0 km hingga 100 km iaitu sebanyak 90.5%. Manakala pengunjung yang datang ke pantai PD dengan mempunyai jarak sehala antara 301 km hingga 400 km dan antara 401 km hingga 500 km adalah yang paling sedikit iaitu masing-masing sebanyak 0.5%.

**Jadual 4.2 : Masa Perjalanan Dari Tempat Tinggal Responden**

<b>Masa (minit)</b>	<b>Bilangan Responden (orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
0 – 60	158	79
61 – 120	31	15.5
121 – 180	8	4
181 – 240	2	1
241 – 300	0	0
301 – 360	1	0.5
<b>JUMLAH</b>	<b>200</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, didapati bahawa lebih ramai para pengunjung iaitu seramai 158 responden telah mengambil masa diantara 0 hingga 60 minit untuk mengunjungi ke pantai PD. Selain itu, terdapat juga 15.5% responden yang mengambil masa perjalanan ke pantai PD dengan mengambil masa diantara 61 hingga 120 minit. Manakala pengunjung yang mengambil masa diantara 301 hingga 360 minit adalah masa perjalanan yang paling sedikit iaitu sebanyak 0.5%.


**Rajah 4.9 : Destinasi Utama**



Berdasarkan Rajah 4.9 diatas, kita dapat menyimpulkan bahawa sebanyak 156 orang pengunjung iaitu sebanyak 78% telah mengatakan bahawa mereka tidak melawat ke tempat lain dan tujuan utamanya adalah untuk mengunjungi ke pantai PD. Manakala seramai 44 orang pengunjung iaitu sebanyak 22% telah menyatakan bahawa tujuan utamanya adalah melawat ke tempat-tempat yang tersenarai dalam Rajah 4.10 dibawah ini.




**Rajah 4.10 : Jenis Destinasi Yang Melawat Sebelum Ke Pantai Port Dickson**



Daripada 44 orang para pengunjung didapati bahawa sebanyak 42% orang mengatakan telah melawat rumah saudara sebelum mengunjungi ke pantai PD. Tambahan pula, sebanyak 27% orang pengunjung telah mengatakan bahawa melawat bandar PD dan sebanyak 9% orang pengunjung telah menyatakan bahawa melawat bandar Seremban sebelum ke pantai PD. Selain itu, kesemua pengunjung yang lain iaitu sebanyak 23% orang menyatakan destinasi pelancongannya seperti pusat beli-belah yang terletak di bandar PD serta bandar Seremban, Muzium Kota Lukut, bandar Kuala Lumpur, air terjun di Jelebu, Zoo Melaka dan Sunway Lagoon, Kuala Lumpur.




**Rajah 4.11 : Tujuan Utama Lawatan Responden**




Tujuan utama kebanyakan lawatan responden ke pantai PD adalah untuk berekreasi. Sebanyak 97% responden adalah merupakan para pengunjung yang bertujuan untuk berekreasi di pantai ini. Ini diikuti dengan aktiviti sukan sebanyak 2% dan program dan berkursus sebanyak 1%.

**Rajah 4.12 : Sumber Maklumat Mengenai Pantai Port Dickson**




Berdasarkan Rajah 4.12 di atas, kebanyakan responden yang mengunjungi lawatan ke pantai PD telah mengetahui dan mendapatkan maklumat daripada teman dan saudara-mara. Sebanyak 72% responden telah mendapatkan maklumat mengenai pantai kerana kebanyakan teman serta saudara-mara telah bermastautin berhampiran dengan kawasan pantai PD. Tambahan pula, terdapat juga peratus bagi sumber lain-lain adalah sumber yang kedua tertinggi sebanyak 18%. Ini disebabkan ramai responden menyatakan bahawa tempat tinggalnya yang berhampiran dengan kawasan pantai ini telah mempengaruhi bilangan kunjungan ke tempat tersebut. Manakala, sumber maklumat yang lain iaitu media cetak seperti majalah dan akhbar, media elektronik seperti televisyen dan radio dan internet telah menunjukkan peratusan yang paling rendah iaitu masing-masing adalah sebanyak 4%, 2% dan 4%.

**Rajah 4.13 : Kategori Kos Lawatan Responden**




Perbelanjaan seseorang responden telah merangkumi aspek-aspek seperti berikut iaitu pembayaran penyelenggaraan kenderaan, bayaran minyak untuk kenderaan yang dinaiki, bayaran tol, perbelanjaan makanan dan minuman semasa perjalanan, kos bagi tempat penginapan, sewa termasuk tambang bas awam, teksi dan sewa yang dibayar apabila menyewa bot dan akhirnya adalah bayaran untuk pakej. Rajah 4.13 di atas, telah menunjukkan min bagi kos perjalanan seseorang responden yang dibelanjakan. Kos purata bagi makanan dan minuman adalah secara relatifnya lebih tinggi iaitu RM66.82. Kos purata bagi bayaran tempat penginapan, minyak dan penyelenggaraan kenderaan adalah masing-masing RM47.05, RM36.28 dan RM21.38. Purata kos bagi bayaran tol, sewa dan pakej menunjukkan kos yang lebih rendah berbanding yang lain iaitu RM9.15, RM9.43 dan RM2.30.

**Rajah 4.14 : Tempoh Percutian Responden Dalam Harian**



Menurut Rajah 4.14, di atas kebanyakan para pengunjung ke pantai PD telah menyatakan bahawa tempoh percutiannya adalah satu hari. Ini dibuktikan apabila seramai 132 orang responden atau 66% mengatakan tempoh percutian sekeluarga mereka adalah selama satu hari. Sebanyak 15% orang responden telah menyatakan tempoh percutiannya adalah selama dua hari di pantai PD. Seterusnya, sebanyak 9% orang responden mengatakan tempoh percutian selama tiga hari dan sebanyak 6% orang responden mengatakan tempoh percutian selama tujuh hari di pantai ini.

**Rajah 4.15 : Jumlah Bilangan Kunjungan Responden**




Berdasarkan Rajah 4.15 di atas, didapati bahawa lebih ramai para pengunjung iaitu sebanyak 72% para pengunjung telah mengunjungi pantai PD diantara 1 hingga 10 kali untuk tempoh setahun. Seterusnya, sebanyak 16% para pengunjung mengatakan bahawa mereka telah mengunjungi pantai PD diantara 11 hingga 20 kali. Manakala sebanyak 9% bilangan kunjungan ke pantai ini berada dalam 21 hingga 30 kali. Selain itu, skala kunjungan yang paling rendah adalah diantara 31 hingga 40 kali dan 41 hingga 50 yang masing-masing menunjukkan bilangan kunjungan para responden sebanyak 2% dan 1%.



### 4.2.3 BAHAGIAN C: KEPUASAN RESPONDEN

**Rajah 4.16 : Purata Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kemudahan Di Sekitar Pantai Port Dickson**



Petunjuk Nilai Skala:

0 = tidak berkaitan

1 = sangat tidak memuaskan

2 = tidak memuaskan

3 = kurang memuaskan

4 = memuaskan

5 = sangat memuaskan

Rajah 4.16 di atas telah menunjukkan hasil yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan terhadap responden di sekitar pantai PD dengan menggunakan borang soal selidik. Dalam borang soal selidik tersebut, soalan disediakan untuk menilai tahap



kepuasan para pengunjung terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan di sekitar pantai PD. Soalan yang disediakan berdasarkan tujuh kemudahan di sekitar pantai tersebut iaitu tempat penginapan, kemudahan restoran dan kedai makanan, kemudahan pengangkutan bot, pondok rehat, sistem keselamatan, telefon awam dan tandas awam.


Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, boleh disimpulkan bahawa kebanyakan para pengunjung mengatakan kemudahan tempat penginapan yang sedia ada di sekitar pantai PD seperti hotel, motel dan rumah rehat sangat memuaskan kepuasan para pengunjung semasa mereka bercuti di pantai PD ini. Ini ditunjukkan berdasarkan purata nilai skala iaitu sebanyak 4.31. Para pengunjung juga telah menyatakan bahawa tempat penginapan di sekitar pantai PD sangat bersih dan mengenakan kadar bayaran yang berpatutan.

Seterusnya, kebanyakan para pengunjung berpuas hati terhadap kemudahan restoran dan kedai makanan, kemudahan pengangkutan bot, pondok rehat dan sistem keselamatan yang terdapat di sekitar kawasan pantai PD. Purata nilai skala masing-masing adalah 3.99, 3.52, 3.67 dan 3.17. Perkara yang memuaskan tahap kepuasan para pengunjung adalah terdapat pelbagai kedai dan restoran di sekitar pantai yang memasak makanan laut serta makanan tradisional di negeri ini. Seterusnya, kebanyakan para pengunjung menyatakan pondok rehat sangat bersih dan sesuai untuk digunakan.

Namun, terdapat juga purata para pengunjung yang mengatakan bahawa ketidakpuasan terhadap perkhidmatan telefon awam dan kemudahan tandas awam di sekitar pantai PD. Ini telah dibuktikan apabila tahap kepuasan para pengunjung ke pantai PD tidak mencapai lebih daripada nilai 3 iaitu masing-masing adalah 3 dan 2.89. Kebanyakan mereka mengatakan kemudahan telefon awam dan tandas awam tidak mencukupi kerana terdapat dalam bilangan kuantiti yang sangat sedikit. Seterusnya mereka juga mengatakan keadaan tandas yang tidak bersih dan mengalami kerosakkan.

Oleh itu, pihak kerajaan perlulah memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi kemudahan di sekitar pantai PD

**Rajah 4.17 : Purata Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Persekitaraan Pantai Port Dickson**



Petunjuk Nilai Skala:

- 0 = tidak berkaitan
- 1 = sangat tidak memuaskan
- 2 = tidak memuaskan
- 3 = kurang memuaskan
- 4 = memuaskan
- 5 = sangat memuaskan

Rajah 4.17 di atas merupakan hasil yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan terhadap responden di sekitar pantai PD dengan menggunakan borang soal selidik yang

mengandungi soalan untuk menilai tahap kepuasan para pengunjung terhadap kualiti persekitaran di sekitar pantai PD. Soalan yang disediakan berdasarkan empat aspek iaitu kualiti air pantai, kualiti udara, kualiti alam semulajadi dan kualiti kebersihan.

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa kebanyakan para pengunjung telah berpuas hati dengan kualiti persekitaran di pantai PD. Berpandukan rajah di atas, didapati bahawa ramai pengunjung menyatakan kualiti alam semulajadi di pantai PD ini telah memuaskan dan telah menunjukkan nilai purata sebanyak 3.71. Mereka juga berpendapat bahawa tiada sebarang faktor yang boleh menghalang mereka daripada menikmati keindahan alam semulajadi yang terwujud di sekitar pantai ini seperti flora dan fauna.

Seterusnya, para pengunjung berpuas hati terhadap kualiti udara semasa berada di pantai PD. Purata nilai skala bagi kualiti udara di sekitar pantai PD adalah 3.06. Terdapat juga para pengunjung yang menyatakan bahawa kepuasan mereka terhadap kualiti udara terjejas sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti manusia sendiri seperti membuat BB-Q di sekitar kawasan yang mengeluarkan kuantiti asap yang mencemarkan udara.

Para pengunjung juga berpuas hati dengan kualiti kebersihan dan kualiti air pantai di pantai PD ini. Ini telah dibuktikan apabila nilai purata bagi kedua-dua kualiti persekitaran adalah masing-masing iaitu 3.36 dan 3.06. Nilai purata tahap kepuasan bagi kualiti kebersihan dan kualiti air pantai menunjukkan nilai yang rendah berbanding dengan kualiti alam semulajadi serta kualiti udara di pantai PD ini. Ini kerana sebilangan para pengunjung mengatakan bahawa pembuangan sampah yang tidak terkawal di sekitar pantai PD telah merosakkan kualiti air pantai ini serta kualiti kebersihannya.

### 4.3 HASIL KAJIAN REGRASI

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai faedah rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung ke pantai PD dengan menggunakan Kaedah Kos Perjalanan (TCM). Dengan menggunakan fungsi permintaan rekreasi di bawah ini, hubungan diantara pembolehubah bersandar iaitu jumlah bilangan kunjungan (Q) dengan pembolehubah-pembolehubah bebas iaitu jumlah kos lawatan (TC), umur, pendapatan bulanan, tahap pendidikan, jantina dan Multiple Purpose Visitor (MPV) dapat ditentukan. Spesifikasi model yang dibentuk adalah seperti berikut:

***Model Persamaan Permintaan:***

$$Q = f(\text{TC, UMUR, PENDAPATAN, PENDIDIKAN, JANTINA, MPV})$$

Perisian SPSS telah digunakan untuk mendapatkan hasil kajian regrasi ini. Terdapat dua model yang digunakan dalam kajian ini iaitu Model Regrasi Linear dan Model Semi-Log. Kedua-dua model regrasi tersebut merupakan model permintaan rekreasi dalam kajian ini. Model-model tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 4.3 : Kategori Model Permintaan Rekreasi**

Kategori Model	Model
1) Model Regrasi Linear	$Q = \beta_0 + \beta_1 \text{TC} + \beta_2 \text{UMUR} + \beta_3 \text{PENDAPATAN} + \beta_4 \text{PENDIDIKAN} + \beta_5 \text{JANTINA} + \beta_6 \text{MPV} + \varepsilon$
2) Model Semi-Log	$\text{Ln}Q = \beta_0 + \beta_1 \text{TC} + \beta_2 \text{UMUR} + \beta_3 \text{PENDAPATAN} + \beta_4 \text{PENDIDIKAN} + \beta_5 \text{JANTINA} + \beta_6 \text{MPV} + \varepsilon$

Dimana, bagi Model Regrasi Linear pembolehubah bersandar ialah Q iaitu bilangan kunjungan oleh responden manakala bagi Model Semi-Log pula pembolehubah bersandar Q telah di semi logkan (LnQ). Pembolehubah-pembolehubah bebas bagi kedua-dua fungsi model kajian ini adalah TC iaitu jumlah kos lawatan, umur responden, pendapatan bulanan seseorang responden, tahap pendidikan dan Multiple Purpose Visitors (MPV). Seterusnya, tiga pemboleh ubah yang telah dijadikan sebagai pembolehubah

patung (*dummy variable*) iaitu taraf pendidikan, jantina dan MPV. Bagi taraf pendidikan, telah dikategorikan taraf pendidikan tinggi adalah 1 dan taraf pendidikan rendah adalah 0. Bagi jantina, jantina lelaki adalah 1 dan jantina perempuan adalah 0 manakala bagi pembolehubah MPV, ya adalah 1 dan tidak adalah 0. Bagi pembolehubah TC kos perjalanan dikira dengan mengambilkira jumlah jarak seseorang responden didarap dengan RM0.60. Hasil yang diperolehi diganda dua untuk mendapatkan jumlah TC.

Hasil keputusan dari kajian yang dijalankan telah ditunjukkan melalui dua analisis iaitu analisis Regresi Linear dan analisis Regresi Semi-Log.

**Jadual 4.4 : Hasil Keputusan Regresi Linear dan Semi-Log**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Regrasi Linear</b>	<b>Regrasi Semi-Log</b>
Konstan	<b>15.6817</b> (6.5687)	<b>2.2938</b> (11.1872)
TC	<b>-0.0387</b> (-4.7104)**	<b>-0.0052</b> (-7.3726)*
UMUR	<b>-0.0563</b> (-0.8936)	<b>0.0018</b> (0.3248)
PENDAPATAN	<b>-0.0005</b> (-1.4263)	<b>-0.00004</b> (-1.3807)
PENDIDIKAN	<b>0.6390</b> (0.5041)	<b>0.0973</b> (0.8942)
JANTINA	<b>0.0981</b> (0.0788)	<b>0.0548</b> (0.5124)
MPV	<b>-1.7514</b> (-1.1300)	<b>-0.1297</b> (-0.9745)
R Square	0.1641	0.2773
Adjusted R Square	0.1381	0.2548
Durbin-Watson	1.697	1.6686
Ujian F	6.315	12.3397

( ) Nilai dalam kurungan ialah nilai t

\* Signifikan pada aras keertian 1%

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%



Daripada Jadual 4.3 di atas, koefisien setiap pembolehubah dapat diterangkan. Nilai koefisien bagi jumlah kos perjalanan (TC) bagi kedua-dua regresi Linear dan Semi-Log adalah negatif. Hal ini kerana semakin tinggi kos perjalanan (TC) semakin berkurangnya kuantiti bilangan kunjungan (Q) ke pantai PD.

Ujian statistik t digunakan untuk mengukur sejauh mana pengaruh kepentingan setiap pembolehubah bebas ke atas pembolehubah bersandar. Apabila melihat kepada keputusan regresi linear dan semi-log, didapati ujian t ke atas pembolehubah-pembolehubah bebas umur, pendapatan, pendidikan, jantina dan MPV menunjukkan ianya tidak significant dengan bilangan kunjungan pada aras keertian 1% dan 5%. Manakala, pembolehubah bebas kos perjalanan (TC) dalam regresi linear telah menunjukkan ianya significant dengan bilangan kunjungan pada aras keertian 5%. Seterusnya, pembolehubah bebas kos perjalanan (TC) dalam regresi semi-log telah menunjukkan ianya significant dengan bilangan kunjungan pada aras keertian 1%. Seterusnya nilai R Square bagi model regresi linear dan model regresi semi-log adalah nilai yang menggambarkan sejauhmana variasi dalam pembolehubah bersandar dapat dijelaskan oleh semua pembolehubah bebas di dalam model tersebut. Iaitu nilai R Square bagi model regresi linear iaitu 0.1641 telah menyatakan bahawa pembolehubah bersandar iaitu bilangan kunjungan (Q) dapat diterangkan sebanyak 16.41% oleh semua pembolehubah-pembolehubah bebas. Manakala nilai R Square bagi model regresi semi-log iaitu 0.2773 telah menyatakan bahawa pembolehubah bersandar iaitu bilangan kunjungan (Q) dapat diterangkan sebanyak 27.73%% oleh semua pembolehubah-pembolehubah bebas.



**Jadual 4.5 : Penerbitan Model Selepas Memperolehi Hasil Keputusan**

Kategori Model	Model
1) Model Regrasi Linear	$Q = 15.6817 - 0.0387 TC - 0.0563 UMUR - 0.0005$ $PENDAPATAN + 0.6390 PENDIDIKAN + 0.0981$ $JANTINA - 1.7514 MPV + \epsilon$
2) Model Semi-Log	$\ln Q = 2.2938 - 0.0052 TC + 0.0018 UMUR - 0.00004$ $PENDAPATAN + 0.0973 PENDIDIKAN + 0.0548$ $JANTINA - 0.1297 MPV + \epsilon$

Jadual 4.5 di atas, merupakan model regresi linear dan model regresi semi-log selepas memasukkan nilai-nilai beta yang diperolehi apabila run data dengan menggunakan perisian SPSS.

#### 4.4 LEBIHAN PENGGUNA

Terdapat dua spesifikasi model iaitu model regresi linear dan model regresi semi-log telah digunakan untuk mendapatkan nilai lebihan pengguna bagi para pengunjung yang mengunjungi ke pantai PD. Pembolehubah-pembolehubah yang diambilkira adalah jumlah kos perjalanan (TC), umur responden, pendapatan bulanan seseorang responden, tahap pendidikan dan Multiple Purpose Visitors (MPV). Seterusnya, tiga pembolehubah yang telah dijadikan sebagai pembolehubah patung (*dummy variable*) iaitu taraf pendidikan, jantina dan MPV. Dalam kedua-dua model ini jenis pembolehubah yang diambilkira adalah golongan berpendidikan tinggi, jantina lelaki dan MPV adalah para pengunjung yang memilih destinasi lain sebagai tempat untuk melawat sebelum ke pantai PD. Kesemua jenis pembolehubah-pembolehubah ini telah dirumuskan dengan menggunakan nilai angka 1.

#### 4.4.1 Lebih Pengguna Bagi Model Regrasi Linear

Model Regrasi Linear  $\triangleright Q = \beta_0 + \beta_1 TC + \beta_2 UMUR + \beta_3 PENDAPATAN + \beta_4 PENDIDIKAN + \beta_5 JANTINA + \beta_6 MPV + \varepsilon$

**Jadual 4.6: Nilai purata bagi pembolehubah bebas dalam model regrasi linear**

Jenis Pembolehubah	Nilai Purata
TC	57.44
UMUR	32.88
PENDAPATAN	1857.85
PENDIDIKAN	1
JANTINA	1
MPV	1

$$\Rightarrow Q = 15.6817 - 0.0387 TC - 0.0563 UMUR - 0.0005 PENDAPATAN + 0.6390 PENDIDIKAN + 0.0981 JANTINA - 1.7514 MPV$$

$$\Rightarrow Q = 15.6817 - 0.0387 TC - 0.0563 (32.88) - 0.0005 (1857.85) + 0.6390(1) + 0.0981 (1) - 1.7514 (1)$$

$$\Rightarrow Q = 15.6817 - 0.0563 (32.88) - 0.0005 (1857.85) + 0.6390(1) + 0.0981 (1) - 1.7514 (1) - 0.0387 TC$$

$$\Rightarrow Q = 15.6817 - 1.8511 - 0.9289 + 0.6390 + 0.0981 - 1.7514 - 0.0387 TC$$

$$\Rightarrow Q = 11.8874 - 0.0387 TC$$

**Diandaikan jika:**

**a) Andaian TC= 0**

$$\Rightarrow Q = 11.8874 - 0.0387 TC$$

$$\Rightarrow Q = 11.8874 - 0.0387 (0)$$

$$\Rightarrow Q = 11.8874$$

**b) Andaian Q = 0**

$$\Rightarrow Q = 11.8874 - 0.0387 TC$$

$$\Rightarrow 0 = 11.8874 - 0.0387 TC$$

$$\Rightarrow 0.0387 TC = 11.8874 - 0$$

$$\Rightarrow 0.0387 TC = 11.8874$$

$$\Rightarrow TC = \frac{11.8874}{0.0387}$$

$$0.0387$$

$$\Rightarrow TC = 307.1680$$

**c) Andaian TC = Purata jumlah kos perjalanan iaitu RM57.44**


$$\Rightarrow Q = 11.8874 - 0.0387 TC$$

$$\Rightarrow Q = 11.8874 - 0.0387 (57.44)$$


$$\Rightarrow Q = 11.8874 - 2.2229$$

$$\Rightarrow Q = 9.6645$$

**Rajah 4.18: Keluk Permintaan Bagi Model Regrasi Linear**



Rajah 4.18 menunjukkan keluk permintaan rekreasi para pengunjung ke pantai PD bagi model kajian regresi Linear. Daripada keluk tersebut lebih pengguna para pengunjung dalam tempoh setahun dapat ditentukan. Didapati kawasan segitiga yang bertanda *a* dalam rajah di atas merupakan jumlah lebih pengguna para pengunjung bagi setahun. Nilai lebih pengguna adalah seperti berikut iaitu:



**Lebih Pengguna Pengunjung**

- ⇒  $\frac{1}{2} \times \text{tapak} \times \text{tinggi}$
- ⇒  $\frac{1}{2} \times (307.1680 - 57.44) \times (9.6645 - 0)$
- ⇒  $\frac{1}{2} \times (249.728) \times (9.6645)$
- ⇒ **CS = RM 1206.7481**

Didapati bahawa nilai lebih pengguna tahunan untuk setiap pengunjung ke pantai PD adalah sebanyak RM 1206.7481. Hal ini kerana apabila nilai jumlah kos perjalanan (TC) adalah bersamaan dengan RM 0 maka bilangan kunjungan (Q) adalah tinggi iaitu sebanyak 11.8874 kali. Seterusnya apabila nilai jumlah kos perjalanan (TC) adalah sangat tinggi iaitu sebanyak RM307.1680, maka didapati bilangan kunjungan (Q) hanya menunjukkan sebanyak satu kali sahaja bagi setiap para pengunjung dalam tempoh satu tahun / 12 bulan. Ini dapat disimpulkan iaitu apabila jumlah kos perjalanan (TC) ke pantai PD adalah sedikit maka bilangan kunjungan (Q) para pengunjung telah meningkat berbanding dengan apabila jumlah kos perjalanan meningkat maka bilangan kunjungan juga menurun.

#### 4.4.2 Lebih Pengguna bagi Model Regresi Semi-Log

Model Regresi Semi - Log  $\blacktriangleright$   $\text{Ln}Q = \beta_0 + \beta_1 \text{TC} + \beta_2 \text{UMUR} + \beta_3 \text{PENDAPATAN} + \beta_4 \text{PENDIDIKAN} + \beta_5 \text{JANTINA} + \beta_6 \text{MPV} + \varepsilon$

**Jadual 4.7: Nilai purata bagi pembolehubah bebas dalam model regresi semi-log**

Jenis Pembolehubah	Nilai Purata
TC	442.5192
$\overline{TC}$	57.44
UMUR	32.88
PENDAPATAN	1857.85
PENDIDIKAN	1
JANTINA	1
MPV	1

$$\Leftrightarrow \text{Ln}Q = 2.2938 - 0.0052 \text{TC} + 0.0018 \text{UMUR} - 0.00004 \text{PENDAPATAN} + 0.0973 \text{PENDIDIKAN} + 0.0548 \text{JANTINA} - 0.1297 \text{MPV}$$

$$\Leftrightarrow \text{Ln}Q = 2.2938 - 0.0052 \text{TC} + 0.0018 (32.88) - 0.00004 (1857.85) + 0.0973 (1) + 0.0548 (1) - 0.1297 (1)$$

$$\Leftrightarrow \text{Ln}Q = 2.2938 + 0.0018 (32.88) - 0.00004 (1857.85) + 0.0973 (1) + 0.0548(1) - 0.1297 (1) - 0.0052 \text{TC}$$

$$\Leftrightarrow \text{Ln}Q = 2.2938 + 0.0592 - 0.0743 + 0.0973 + 0.0548 - 0.1297 - 0.0052 \text{TC}$$

$$\Leftrightarrow \text{Ln}Q = 2.3011 - 0.0052 \text{TC}$$



Diandaikan jika:

a) Andaian  $Q = 1$

$$\Rightarrow \text{Maka } \ln(1) = 0$$

$$\Rightarrow \ln Q = 2.3011 - 0.0052 \text{ TC}$$

$$\Rightarrow 0 = 2.3011 - 0.0052 \text{ TC}$$

$$\Rightarrow 0.0052 \text{ TC} = 2.3011 - 0$$

$$\Rightarrow 0.0052 \text{ TC} = 2.3011$$

$$\Rightarrow \text{TC} = \frac{2.3011}{0.0052}$$

$$\Rightarrow \text{TC}^* = 442.5192 \dots\dots\dots \text{Choke Price}$$

$$\Rightarrow \overline{\text{TC}} = 57.44 \dots\dots\dots \text{Kos Purata}$$

b) Lebihan Pengguna

$$\text{CS} = \frac{1}{\beta_1} \left[ e^{(\beta_0 - \beta_1 \text{TC}^* - \beta_2 \text{UMUR} - \beta_3 \text{PENDAPATAN} + \beta_4 \text{PENDIDIKAN} + \beta_5 \text{JANTINA} - \beta_6 \text{MPV})} \right] - \frac{1}{\beta_1} \left[ e^{(\beta_0 - \beta_1 \overline{\text{TC}} - \beta_2 \text{UMUR} - \beta_3 \text{PENDAPATAN} + \beta_4 \text{PENDIDIKAN} + \beta_5 \text{JANTINA} - \beta_6 \text{MPV})} \right]$$

$$\text{CS} = \frac{1}{0.0052} \left[ e^{(2.2938 - 0.0052(442.5192^*) + 0.0018(32.88) - 0.00004(1857.85) + 0.00973(1) + 0.0548(1) - 0.1297(1))} \right] - \frac{1}{0.0052} \left[ e^{(2.2938 - 0.0052(57.44) + 0.0018(32.88) - 0.00004(1857.85) + 0.00973(1) + 0.0548(1) - 0.1297(1))} \right]$$

$$\Rightarrow \text{CS} = \text{RM } 1304.9352 - \text{RM } 176.1783$$

$$\Rightarrow \text{CS} = \text{RM } 1128.7569$$

#### 4.4.3 Jumlah Purata Willingness To Pay (WTP)

Purata lebih pengguna bagi setiap kunjungan dapat dikira apabila jumlah lebih pengguna bagi setiap responden dibahagi dengan nilai purata bilangan kunjungan bagi semua responden dalam satu tahun. Jumlah purata WTP dikira dengan menambahkan purata lebih pengguna bagi setiap kunjungan dan purata kos perjalanan. Hasil keputusan ini ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

**Jadual 4.9 : Purata Lebih Pengguna dan Purata jumlah WTP bagi setiap kunjungan.**

Jenis Model Jenis kos (RM)	Regrasi Linear	Regrasi Semi-Log
Nilai Purata Bilangan Kunjungan (Q) <b>a</b>	10.65	10.65
Purata Kos Perjalanan <b>b</b>	57.44	57.44
Jumlah Lebih Pengguna <b>c</b>	1206.75	1128.76
Purata Lebih Pengguna <b>d = c / a</b>	113.31	106.09
Jumlah Purata WTP <b>e = b + d</b>	170.75	163.53

Purata lebih pengguna (d) bagi setiap kunjungan dapat dikira apabila jumlah lebih pengguna (c) bagi setiap responden dibahagi dengan nilai purata bilangan kunjungan (a) bagi semua responden dalam satu tahun. Jumlah purata WTP (e) dikira dengan menambahkan purata lebih pengguna (d) bagi setiap kunjungan dan purata kos perjalanan (b). Berdasarkan Jadual 4.9 diatas, didapati purata lebih pengguna setiap pengunjung bagi setiap kunjungan ke pantai PD adalah RM170.75 bagi model Regrasi Linear dan RM163.53 bagi model Regrasi Semi-Log.

#### **4.5 KESIMPULAN**

Sebanyak 200 soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Setelah menyoal selidik para pengunjung ke kawasan pantai PD, perisian SPSS telah digunakan untuk melihat hasil kajian ini. Segala keputusan kajian ini telah diterangkan di dalam bab ini. Terdapat tiga bahagian utama yang dapat diterangkan dalam bab ini. Iaitu bahagian A yang menerangkan tentang latar belakang responden. Dalam bahagian ini terdapat beberapa faktor yang telah mempengaruhi jumlah bilangan kunjungan para pengunjung. Antara faktor-faktor penting yang diutarakan dalam bahagian A ini adalah seperti jantina, umur, kewarganegaraan, negeri asal, jenis kaum, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, kategori pekerjaan, bilangan tanggungan dan pendapatan bulanan individu.

Seterusnya bahagian B, telah menerangkan tentang kos perjalanan para pengunjung. Dalam bahagian ini soalan-soalan yang ditanya telah mengandungi aspek-aspek seperti jarak sehala dari tempat tinggal para pengujung, masa perjalanan, destinasi yang melawat sebelum mengunjungi ke pantai, tujuan utama lawatan, sumber maklumat, jenis kenderaan yang dinaiki, kunjungan secara persendirian atau berkumpulan, kos perjalanan, tempoh percutian dan bilangan kunjungan.

## **BAB V**

### **RUMUSAN KAJIAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini telah menerangkan tentang kesimpulan secara keseluruhan dan beberapa cadangan diberi untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan di sekitar pantai PD. Secara keseluruhannya, pantai PD merupakan sebuah kawasan pelancongan yang menarik serta sangat terkenal di Bandar Port Dickson, Negeri Sembilan. Dengan keindahan alam semulajadi pantai ini, ianya dapat menarik lebih ramai para pengunjung dari dalam dan luar negeri. Kajian ini bertujuan untuk menilai faedah rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung yang mengunjungi ke pantai PD. Sebagai seorang pengguna kita perlu menjaga, memelihara serta mengekalkan keindahan alam semulajadi pantai ini untuk generasi masa kini serta generasi masa hadapan.

#### **5.2 RUMUSAN KAJIAN**

Terdapat lima bab di dalam kajian ini. Bab I merupakan pengenalan kepada kajian ini yang telah merangkumi lima bahagian iaitu pendahuluan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop dan metodologi kajian dan kesimpulan. Seperti yang dibincangkan dalam bab I, rekreasi merupakan suatu kepentingan kepada para masyarakat yang kini mengejar kekayaan. Pada awal kajian ini, jenis-jenis aktiviti rekreasi yang dilakukan oleh para pengunjung telah diterangkan dengan menggunakan beberapa contoh seperti rekreasi air,

perkhemahan, menunggang kuda, aktiviti eksplorasi, memancing, berkayak dan banyak lagi. Kajian ini dijalankan dengan bertujuan untuk menilai faedah rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung di kawasan pantai. Oleh itu, pantai Port Dickson yang terletak di Negeri Sembilan telah dipilih untuk menilai dan mengukur faedah rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung yang mengunjungi ke pantai tersebut. Kawasan pantai ini diterangkan sebagai destinasi pelancongan utama dalam kajian ini. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab serta memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi kualiti pelancongan di pesisiran pantai Port Dickson. Objektif utama kajian ini adalah mengkaji dan mengukur nilai faedah rekreasi di pantai Port Dickson dengan menggunakan aplikasi Kaedah Kos Perjalanan (TCM) dengan menilai permintaan rekreasi, mengukur faedah bersih perkhidmatan rekreasi dan menganggar tahap kepuasan para pengunjung yang telah berekreasi di pantai ini. Dalam kajian ini Pendekatan Travel Cost Method (TCM) telah digunakan. Jenis pendekatan TCM yang digunakan dalam kajian ini adalah Kaedah Individual Travel Cost Method (ITCM) yang mengambilkira bilangan lawatan yang dibuat oleh setiap individu. Ini bermakna kaedah ini telah mengambilkira jumlah kos perbelanjaan seseorang pengunjung semasa melawat tempat tersebut.

Seterusnya Bab II merupakan sorotan kajian lepas yang telah mengandungi empat bahagian iaitu pengenalan, latar belakang kajian, kajian lepas dan kesimpulan. Di dalam latar belakang kajian ini, aspek-aspek seperti kedudukan pantai, kemudahan, infrastruktur dan perkhidmatan yang sedia ada di sekitar kawasan pantai, jumlah bilangan para pengunjung yang telah mengunjungi ke pantai ini diantara tahun 2006 dan 2007 dan mengenai sistem pengurusan iaitu Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) telah dibincangkan. Tambahan pula, sebanyak lima jurnal telah dijadikan sebagai rujukan dalam kajian ini kerana penyelidik-penyelidik ini telah membuat kajian dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti Travel Cost Method (TCM) dan Contingent Valuation Method (CVM). Kajian-kajian mereka telah dianalisis serta diterangkan dari segi penilaian ekonomi iaitu konsep jumlah nilai ekonomi, teknik penilaian ekonomi iaitu dari segi keutamaan yang di dedah dan keutamaan yang di nyata serta hasil kajian.

Kesemua penyelidik telah membuktikan bahawa dengan menggunakan kaedah TCM faedah rekreasi yang diperolehi oleh para pengunjung serta nilai guna langsung sesuatu kawasan rekreasi dapat dinilai.

Manakala bab III adalah methodologi kajian yang mengandungi tujuh bahagian iaitu pendahuluan, konsep jumlah nilai ekonomi, teknik penilaian ekonomi alam sekitar, kaedah kos perjalanan (TCM), model permintaan rekreasi, pembentukan soal selidik dan kesimpulan. Konsep jumlah nilai ekonomi diterangkan secara mendalam dalam bab ini dengan menggunakan carta dan beberapa contoh yang berkaitan dengan kawasan kajian ini. Kawasan rekreasi pantai Port Dickson telah diklasifikasikan sebagai nilai guna tak langsung. Ini kerana kawasan pantai ini telah menawarkan perkhidmatan rekreasi kepada para pengunjung dan meningkatkan lagi faedah keseronokan yang diperolehinya. Seterusnya definisi TCM serta jenis-jenis TCM iaitu ITCM dan ZTCM telah dinyatakan dalam bab ini dengan menggunakan jadual yang berkaitan. Model permintaan rekreasi diterbitkan untuk meneruskan lagi kajian yang dijalankan ini. Terdapat dua model regresi yang telah diterbitkan iaitu model regresi Linear dan model regresi Semi-Log. Dalam kedua-dua model kajian ini pembolehubah bersandar adalah jumlah bilangan kunjungan (Q) dan pembolehubah-pembolehubah bebas adalah seperti jumlah kos perjalanan (TC), umur pengunjung, jantina pengunjung, taraf pendidikan, tahap pendapatan dan Multiple Purpose Visitors (MPV). Selain itu, pembentukan soal selidik yang mengandungi tiga bahagian utama telah diterangkan secara terperinci dalam bab ini dari segi latar belakang responden, kos perjalanan dan kepuasan responden.

Bab IV ialah bab yang menerangkan tentang hasil kajian yang diperolehi apabila menemubual seramai 200 orang responden di sekitar kawasan pantai Port Dickson. Terdapat tujuh bahagian dalam bab ini iaitu pendahuluan, bahagian A tentang latar belakang responden, bahagian B iaitu kos perjalanan seseorang responden, bahagian C iaitu tahap kepuasan para responden, hasil kajian regresi, penerbitan keluk permintaan dan kesimpulan. Daripada analisis kajian yang menggunakan perisian SPSS didapati golongan lelaki yang berada diantara umur 20 hingga 30 tahun yang mempunyai tahap



pendidikan dan pendapatan yang tinggi merupakan golongan yang kerap mengunjungi ke kawasan pantai Port Dickson. Hasil regresi untuk kajian ini diperolehi dengan menggunakan dua kategori model iaitu model regresi Linear dan model regresi Semi-Log. Seterusnya hasil kajian boleh disimpulkan bahawa semakin tinggi kos perjalanan semakin berkuranglah kuantiti kunjungan manakala semakin rendah kos perjalanan semakin meningkat kuantiti kunjungan ke pantai Port Dickson. Selain itu, purata bagi setiap pembolehubah bebas telah dinyatakan. Dalam bab ini, dengan penerbitan keluk permintaan lebih pengguna bagi regresi Linear dapat dikira iaitu sebanyak RM1206.75 dan lebih pengguna bagi mode regresi Semi-Log adalah sebanyak RM1128.7569. Seterusnya purata lebih pengguna bagi setiap kunjungan oleh para pengunjung didapati iaiyu RM170.75 bagi model regresi linear dan RM163.53 bagi model regresi semi-log. Kesimpulanya didapati hasil kajian yang diperolehi adalah signifikan iaitu jumlah kos perjalanan (TC) telah mempengaruhi jumlah bilangan kunjungan seseorang para pengunjung.

Akhirnya bab V merupakan rumusan bagi keseluruhan bab-bab dalam kajian ini. Terdapat empat bahagian dalam bab ini iaitu pendahuluan, rumusan kajian, cadangan kajian dan kesimpulan.

### 5.3 CADANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa cadangan yang ingin saya dikemukakan setelah kajian ini selesai dan berjaya dijalankan. Antara cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut.

#### *i) Peningkatan Pembinaan dan kemudahan tandas awam*

Daripada hasil kajian yang diperolehi didapati bahawa kemudahan-kemudahan seperti tandas awam, sistem keselamatan dan perkhidmatan telefon awam di sekitar pantai PD merupakan aspek yang tidak memuaskan tahap kepuasan para pengunjung. Oleh itu, kemudahan di sekitar pantai ini perlu ditingkatkan lagi untuk tujuan utama iaitu meningkatkan tahap kepuasan para pengunjung ke kawasan pantai ini. Bagi meningkatkan lagi kemudahan di sekitar kawasan ini kerajaan perlu bertanggungjawab dan memperuntukan wang untuk memperbanyakkan lagi tandas awam dan telefon awam yang sedia ada di sekitar pantai. Setelah memperbanyakkan kemudahan tandas awam di sekitar kawasan pantai ini, pihak pengurusan pantai ini iaitu MPPD boleh mengenakan bayaran yang berpatutan bagi kegunaan tandas. Hal ini kerana, hasil wang yang diperolehi daripada kegunaan tandas oleh para pengunjung dan boleh menggunakan hasil yang dikumpul sebagai aset untuk memperbaiki tandas yang rosak ataupun untuk penyediaan baru kemudahan lain seperti surau, pondok rehat dan sebagainya.

#### *ii) Membina ruangan track berjoging*

Penyediaan satu ruangan untuk berjoging merupakan aspek yang memberikan faedah, dan menyenangkan para pengunjung yang melakukan senaman di awal pagi. Mereka dapat menikmati keindahan alam semulajadi disamping berjoging di ruangan yang disediakan. Track berjoging boleh dibina diantara empat hingga lima kilometer dan boleh dihiasi persekitaran track jogging ini dengan menanam pokok bunga di sekelilingnya. Dengan pembinaan track jogging di sepanjang kawasan pantai ini, golongan warga tua serta golongan remaja dapat meluangkan masa lapang mereka dengan berfaedah iaitu

dengan bersenam, berjalan dan berehat. Kemudahan ini akan memberikan kesan positif kepada para pengguna dari dua segi iaitu mental dan fizikal.

### ***iii) Membina Taman Permainan***

Terdapat taman permainan di sekitar pantai PD tetapi dalam bilangan kuantiti yang sedikit. Apabila lebih ramai pengunjung mengunjungi pantai ini terdapat ketidakpuasan para pengunjung dalam melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi. Oleh itu, pihak kerajaan perlu memperbanyakkan lagi bilangan taman permainan di sekitar pantai PD. Seterusnya, sebuah taman permainan kanak-kanak juga boleh dibina khas untuk kanak-kanak. Cadangan ini dinyatakan kerana, daripada hasil kajian yang diperolehi didapati bahawa sebanyak 86% responden telah mengatakan bahawa berekreasi di pantai PD secara berkumpulan. Daripada ini sebanyak 70% merupakan para pengunjung yang bersama ahli keluarganya tersendiri. Dengan membina sebuah taman permainan yang terdiri daripada buaian, papan gelongsor dan jongkang-jongkit di kawasan pantai ini akan menarik minat kanak-kanak dan secara tidak langsung berlaku peningkatan dalam bilangan para pengunjung ke pantai PD ini.

### ***iv) Promosi***

Pihak kerajaan telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi mutu kawasan pantai ini sebagai kawasan rekreasi yang sangat popular di dalam mahupun di luar negara Malaysia ini. Apabila kita melihat kepada aspek promosi yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dalam usaha memperkenalkan dan menyatakan keunikan serta keindahan pantai PD ini amat mengecewakan. Ini dapat dibuktikan apabila sebanyak 72% para pengunjung menyatakan mereka mengetahui tentang pantai melalui teman dan saudara-mara. Seterusnya, hanya sebanyak 10% para pengunjung mengetahui tentang pantai melalui media cetak, media elektronik dan internet. Ini telah membuktikan pantai PD kurang terkenal di negeri-negeri lain kerana sebanyak 65.5% para pengunjung merupakan pengunjung yang terdiri daripada Negeri Sembilan. Untuk mengelakkan

situasi ini, pihak kerajaan telah mengambil langkah untuk mempromosikan lagi pantai PD sebagai kawasan rekreasi melalui saluran radio, televisyen dan juga boleh mengadakan kempen di kalangan masyarakat. Selain itu, selaku pihak pengurusan bandar PD, MPPD juga boleh menjalankan beberapa aktiviti untuk mempromosikan lagi pantai PD di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, pihak MPPD perlu membuka satu laman web berkaitan dengan pantai PD yang menerangkan tentang segala produk pelancongan yang terdapat di sekitar kawasan pantai PD. Usaha-usaha seperti ini dapat menyebabkan pantai PD terkenal di peringkat antarabangsa serta lebih ramai para pengunjung telah mengunjungi ke kawasan pantai PD.

#### ***v) Penubuhan satu Penguatkuasa***

Sebuah organisasi penguatkuasa perlu ditubuhkan untuk memantau segala aktiviti para pengunjung di sepanjang pantai. Ini kerana kecuaiannya nilai ketidakbertanggungjawab seseorang manusia itu sendiri telah merosakkan keindahan alam semulajadi dengan membuang sampah di merata-rata tempat dan mengeksploitasi sumber yang terdapat di sekitar kawasan pantai ini. Sebagai contoh, untuk pembinaan tempat berkhemah sesetengah golongan telah menebang pokok dan juga tumbuh-tumbuhan di kawasan sekitar pantainya. Dengan adanya sebuah organisasi penguatkuasa yang kerap meronda kawasan pantai ini serta mereka boleh mengenakan hukuman yang sesuai atau denda dikenakan kepada sesiapa yang merosakkan alam sekitar. Hal ini telah memberikan kesedaran di kalangan masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap kewujudan alam sekitar ini.

#### ***vi) Mewujudkan Dana Khas***

Dana khas atau tabung khas boleh diwujudkan di kawasan rekreasi pantai PD. Sumbangan untuk dana khas ini boleh diperolehi daripada setiap para pengunjung yang mengunjungi pantai PD dari dalam dan luar negara. Ini kerana lebih pengguna yang diperolehi daripada hasil kajian ini merupakan nilai yang sangat tinggi iaitu RM170.75.

Nilai lebih pengguna ini telah menunjukkan bahawa nilai yang sanggup dibayar oleh para pengunjung lebih tinggi daripada nilai sebenar yang dibelanjakan di pantai PD ini. Hasil kutipan daripada para pengunjung, boleh digunakan untuk pembangunan sekitar pantai serta pemeliharaan dan pemuliharaan bagi sumber-sumber pantai PD. Apabila berlaku kerosakan sumber alam di sekitar pantai ini, dengan adanya sumber kewangan daripada dana tersebut boleh digunakan untuk memperbaikinya. Tambahan pula, dana tersebut boleh digunakan untuk menaik taraf kawasan rekreasi pantai PD ini agar menjadi lebih menarik dan memenuhi citarasa para pengunjung.

#### **5.4 KESIMPULAN KAJIAN**

Kesimpulannya, pantai Port Dickson merupakan sebuah kawasan peranginan yang utama di negeri ini serta menjadi sebagai kawasan rekreasi yang terkenal di kalangan para pengunjung dari dalam dan luar negeri. Keindahan alam semulajadi sesuatu kawasan merupakan faktor penting yang menarik minat seseorang ke kawasan tersebut. Semua pihak seperti para masyarakat, pihak kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak NGO juga harus bertanggungjawab untuk mengekalkan keindahan alam semulajadi ini. Dengan kekalkan sumber semulajadi seperti ini, kuantiti para pelancong yang mengunjungi ke pantai ini dapat ditingkatkan serta ini dapat menyebabkan berlaku pertumbuhan ekonomi.

## BIBLIOGRAFI

- Awang Noor Abd. Ghani & Duraitah Likit. 2007. Economic valuation of recreation benefits in two forest recreation areas in Pahang. B.For.Sc. Thesis. Faculty of Forestry, Universiti Putra Malaysia. Serdang, Selangor.
- Antoni Riera Font. 1999. Mass tourism and the demand for protected natural areas: A travel cost approach. *Environmental Economics and Management*. 39: 97-116.
- Ram K. Shrestha, Taylor V. Stein & Julie. 2003. Valuing nature-based recreation in public natural areas of the Apalachicola River Region, Florida. *Environmental Management*. 85: 977-985.
- Ram K. Shrestha, Andrew F. Seidl & Andre S. Moraes. 2002. Value of recreational fishing in the Brazilian Pantanal: A travel cost analysis using count data models. *Ecological Economics*. 42: 289-299.
- Serkan Gurluk & Erkan Rehbar. 2006. A travel cost study to estimate recreational value for a bird refuge at Lake Manyas, Turkey. *Environmental Management*. 88: 1350-1360.
- Udomsak Seenprachawong. 1999. An economic analysis of Coral Reefs in the Andaman Sea of Thailand. *Int. J. Global Environmental Issues*. 3(1): 104-114.

### Laman Web:

<http://telokkemang.blogspot.com/2008/07/pelancongan-di-pesisir-pantai.html>

<http://www.mppd.gov.my/>

[http://www.malaysia-hotels.net/islands\\_beaches/portdickson.htm](http://www.malaysia-hotels.net/islands_beaches/portdickson.htm)

<http://www.ns.gov.my/ybrazi/buletin7.html>

<http://www.bharian.com.my/>



## **LAMPIRAN**

**LAMPIRAN A : KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERDAPAT SEKITAR  
PANTAI PORT DICKSON**

**LAMPIRAN B : SOAL SELIDIK YANG DIGUNAKAN DALAM KAJIAN INI**

**LAMPIRAN C : HASIL REGRASI LINEAR**

**LAMPIRAN D: HASIL REGRASI SEMI-LOG**

LAMPIRAN A

**KEMUDAHAN - KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI SEKITAR  
PANTAI PORT DICKSON**




Pondok Rehat



Perkhidmatan Bot



Sistem Keselamatan



Tempat Penginapan

## LAMPIRAN B

### SOAL SELIDIK YANG DIGUNAKAN DALAM KAJIAN INI



KOD RESPONDEN:

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

TAJUK KAJIAN:

PENILAIAN FAEDAH REKREASI DI PANTAI PORT  
DICKSON: ANALISIS KAEDAH KOS PERJALANAN (TCM)

Tuan/Puan/Encik/Cik,

Saya pelajar jurusan Ekonomi (Sumber Alam) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang melakukan penyelidikan berkenaan faedah rekreasi yang diperoleh oleh para pengunjung ke pantai Port Dickson dengan menganalisis latar belakang, kos perjalanan, serta kepuasan para pengunjung. Saya berharap agar Tuan/Puan/Encik/Cik dapat memberi kerjasama untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan soal selidik ini hanya mengambil masa kurang daripada 20 minit. Maklumat yang Tuan/Puan/Encik/Cik berikan adalah sulit dan hanya digunakan untuk kajian ini sahaja. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan/Encik/Cik adalah amat saya hargai dan kami dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN**  
**SECTION A: RESPONDENT'S PROFILE**

**Arahan (Instructions):**

**Sila tandakan (/) di dalam kotak yang berkenaan.**  
**Please tick (/) according to your personal profile.**

**1. Jantina / (Gender)**

Lelaki / (Male)

Perempuan / (Female)

**2. Umur / (Age) \_\_\_\_\_ tahun (years old).**

**3. Kewarganegaraan / (Nationality)**

Warganegara / (Citizen)

Bukan Warganegara / ( Non Citizen)

**4. Asal / (Origin State) : \_\_\_\_\_ .**

**5. Bangsa / (Race)**

Melayu / (Malay)

Cina / (Chinese)

India / (Indian)

Lain-lain / (others). Sila nyatakan \_\_\_\_\_ .

**6. Taraf perkahwinan / (Marital status)**

Bujang / (single)

Berkahwin / (married)

Lain-lain / (others). Sila nyatakan \_\_\_\_\_ .

7. **Taraf pendidikan / (Education background)**

Tiada / (No Education)

Sekolah Rendah / UPSR / (Primary School Level)

Sekolah Menengah / SRP / LCE / PMR / SPM / MCE / (Secondary School Level)

STPM / HSC / Diploma / (STPM / College / Diploma)

Ijazah / University / (Degree / Master / PHD)

Lain-lain / (others). Sila nyatakan \_\_\_\_\_.

8. **Kategori pekerjaan / (occupation) :**

Pelajar / (Student)

Kakitangan Kerajaan / (Government servant)

Kakitangan Swasta / (Private servant)

Badan Berkanun (NGO)

Bekerja sendiri / Berniaga / (Personel Business)

Pesara / (Retired)

Lain-lain / (Others).

Sila nyatakan : \_\_\_\_\_.

9. **Bilangan tanggungan / (Responsibility members) :**  
\_\_\_\_\_ orang / (person).

10. **Pendapatan bulanan individu RM \_\_\_\_\_.**  
**Pendapatan bulanan isirumah RM \_\_\_\_\_.**

**BAHAGIAN B: KOS PERJALANAN**  
**SECTION B: TRAVEL COST**

11. **Berapakah jarak sehala dari tempat tinggal anda ke Pantai Port Dickson?**  
**Nyatakan, \_\_\_\_\_ km.**  
*(How far is the distance from your home to Port Dickson Beach? Mention in \_\_\_\_\_ km).*
12. **Berapa lamakah masa yang diambil untuk sampai ke Pantai Port Dickson dari tempat tinggal anda?**  
**Nyatakan \_\_\_\_\_ jam**  
*(How much the time is taken to reach at Port Dickson Beach from your home? Mention in \_\_\_\_\_ hours?)*
13. **Sebelum anda ke Pantai Port Dickson, adakah anda pergi melancong dan melawati ke tempat-tempat lain?**  
*(Have you visited to other destination before you visiting to Port Dickson Beach)*
- Ya. Sila nyatakan:  
*(Yes. Please mention \_\_\_\_\_)*
- Tidak. *(No)*
14. **Apakah tujuan anda mengunjungi ke Pantai Port Dickson?**  
*(What is the purpose that you went to the Port Dickson Beach?)*
- Berekreasi / (travelling)
- Program atau Berkursus / *(Programme or attend a courses)*
- Penglibatan dalam aktiviti sukan / *(involve in sports activities).*
- Lain-lain.Sila nyatakan.  
*(Others. Please notify) \_\_\_\_\_.*
15. **Bagaimanakah anda mendapatkan maklumat mengenai destinasi pelancongan Pantai Port Dickson ini?**  
*(How do you get the information about Port Dickson Beach?).*
- Teman / Saudara-mara *(friend/relative)*
- Media Cetak: Majalah, Akhbar *(Magazine / Newspaper)*
- Media elektronik: Televisyen / Radio *(television / radio)*



Internet (*Internet*)

Lain –lain.Sila nyatakan

(*Others. Please notify*): \_\_\_\_\_.

**16. Apakah kenderaan yang anda naiki untuk sampai ke Pantai Port Dickson?**

(*Which of following vehicles is used to reach at Port Dickson Beach?*)

Kenderaan Persendirian / (*Own Vehicles*)

Kenderaan Sewa / (*Rented vehicles*)

Pengangkutan Awam / (*Public transport*)

Lain-lain.Sila nyatakan

(*Others. Please notify*): \_\_\_\_\_.

**17. Dengan siapa anda datang ke Pantai Port Dickson?**

(*How do come to this location?*)

Persendirian / (*own*)

Berkumpulan /(*Groups*)

\* Sila nyatakan hubungan dengan ahli kumpulan \_\_\_\_\_.

**18. Kos perjalanan / (*travelling Cost*)**

**RM/US\$**

Service kenderaan (*vehicle service*)

Minyak (*Petrol*)

Bayaran Tol (*Toll payment*)

Makanan dan minuman dalam perjalanan  
(*food and drink*)

Tempat penginapan (*Accommodation*)

Sewa (*Rent*)

Pakej (*Package*)

Lain-Lain (*Others*) : \_\_\_\_\_

**19. Berapakah tempoh percutian anda di Pantai Port Dickson?**

(*How long will you be spend at Port Dickson Beach?*)

Hari (*Days*)

Minggu (*Weeks*)

Bulan (*Month*)

**20. Berapa kalikah anda mengunjungi pantai Port Dickson dalam tempoh 12 bulan / 1 tahun? \_\_\_\_\_ kali.**

(*How many times have you visited at Port Dickson Beach in this 12 months / 1 year? \_\_\_\_\_ times.*)

**BAHAGIAN C: KEPUASAN RESPONDEN  
SECTION C: RESPONDENT'S SATISFACTION**

**Sila bulatkan jawapan berdasarkan tahap kepuasan anda.  
(Circle the answer base on your satisfaction level)**

5	Sangat memuaskan / <i>very satisfied</i>
4	Memuaskan / <i>satisfied</i>
3	Kurang memuaskan / <i>less satisfied</i>
2	Tidak memuaskan / <i>dissatisfied</i>
1	Sangat tidak memuaskan / <i>very dissatisfied</i>
0	Tidak berkaitan / <i>not concent</i>

**Tahap kepuasan anda terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di pantai Port Dickson.** (*Your satisfaction level of amenities and services has providing at Port Dickson Beach*).

Bil	PERKARA	JAWAPAN					
		0	1	2	3	4	5
21.	Tempat penginapan / <i>hospitality</i>	0	1	2	3	4	5
22.	Kemudahan restoran dan kedai makanan / <i>Facilities of restaurant and food corner</i>	0	1	2	3	4	5
23.	Kemudahan pengangkutan bot / <i>boat transportation</i>	0	1	2	3	4	5
24.	Pondok rehat / <i>hut facilities</i>	0	1	2	3	4	5
25.	Sistem keselamatan / <i>security system</i>	0	1	2	3	4	5
26.	Telefon awam / <i>Public phone</i>	0	1	2	3	4	5
27.	Tandas awam dan tempat persalinan/ <i>public toilets</i>	0	1	2	3	4	5

**Tahap kepuasan anda terhadap kualiti persekitaraan di pantai Port Dickson.** (*Your satisfaction level of environment quality at Port Dickson*)

BIL	PERKARA	JAWAPAN				
		1	2	3	4	5
28.	Kualiti air pantai / <i>water quality of beach</i>	1	2	3	4	5
29.	Kualiti udara / <i>air quality</i>	1	2	3	4	5
30.	Kualiti alam semulajadi / <i>natural quality</i>	1	2	3	4	5
31.	Kualiti Kebersihan / <i>cleanliness quality</i>	1	2	3	4	5



Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)  
Jabatan Ekonomi , Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) , Universiti Malaysia  
Terengganu.

**TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN**  
*THANK YOU FOR YOUR COOPERATIONAL.*

**SEGALA MAKLUMAT YANG DIBERI AKAN KAMI RAHSIAKAN.**  
*ALL INFORMATION WILL BE KEPT CONFIDENTIAL.*

**PENILAIAN FAEDAH REKREASI DI PANTAI PORT DICKSON: ANALISIS KAEDAH KOS PERJALANAN  
(TCM) - S. AMUTA A/P SELORARAJY**